

KEBAWAH DYMM BERKENAN KURNIAKAN SURAT WATIKAH PELANTIKAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit (Lihat muka 3)



Berita Utama



Majlis Santap Malam sempena Ulang Tahun Puja Usia

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

JERUDONG, Ahad, 18 Februari. - Sambutan Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ke-50 Tahun terus disemarakkan dengan Majlis Santap Malam sebagai penghargaan dari Kementerian Pertahanan yang berlangsung malam tadi di The Empire Brunei.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di

Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke majlis tersebut yang dianjurkan oleh Kementerian Pertahanan, di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka

Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Datin serta Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan Datin.

Berangkat sama ialah paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah serta Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam.

>> Muka 4

Bimbing generasi muda mempraktikkan teknologi selaras perubahan zaman

Oleh : Aimi Sani

KAMPUNG KATOK, Ahad, 18 Februari. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) bersabda,

PPPBD perlulah mengambil peluang untuk membimbing generasi muda Pandu Puteri ke arah mempraktikkan penggunaan teknologi selaras dengan perubahan zaman.

“Mungkin sudah tiba masanya juga persatuan ini berkembang di luar peringkat sekolah sebagai persatuan berasaskan komuniti, supaya dapatlah menarik lebih ramai ahli dan bekerjasama dengan

pelbagai agensi untuk sama-sama meningkatkan pembangunan masyarakat dan negara,” sabda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah pada Majlis Mesyuarat PPPBD yang berlangsung di Bilik Mesyuarat, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, hari ini.

>> Muka 7



Ke arah memperkasa 'masyarakat mandiri'



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan mengurniakan sabda pada Mesyuarat Jemaah Tadbir YSHHB Kali Ke-1 bagi Tahun 2024 yang berlangsung di Bilik At-Taqwa, Kompleks Bangunan YSHHB, Dewan An-Naura, di ibu negara, pada Khamis, 15 Februari 2024.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH *Rabbil 'Alameen*, segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala Yang Maha Pengasih lagi

Maha Penyayang serta selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kaum kerabat dan sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya kita dapat hadir di Mesyuarat Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Kali Pertama bagi Tahun 2024 pada pagi ini, iaitu setelah lebih tiga tahun tertangguh disebabkan penularan wabak COVID-19. Terima kasih di atas kehadiran ahli-ahli pada mesyuarat pagi ini.

Terlebih dahulu, saya sukacita menyampaikan ucapan tahniah atas lantikan baharu Ahli-ahli Jemaah Tadbir yang bermula pada 13 Mac 2023 yang lalu. Dalam kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada ahli-ahli yang tempoh lantikan telah berakhir, atas khidmat bakti mereka dalam menyumbangkan buah fikiran dan idea-idea yang bermanfaat dan berguna demi kepentingan Yayasan paduka ayahanda.

Yayasan paduka ayahanda ini telah mencapai usia tiga dekad dan telah pun menempuhi beberapa fasa peningkatan dan perkembangan ke arah meningkatkan dan merangsang pembangunan sosioekonomi dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini, selaras dengan dasar dan matlamat asal penubuhannya.

Pada dekad keempat penubuhannya, saya gembira mengetahui, Yayasan paduka ayahanda sedang giat melaksanakan Pelan Strategik Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah 2020-2025. Apa yang saya hasratkan

ialah bagi Yayasan paduka ayahanda ini akan terus proaktif, kreatif dan adaptif dalam merencanakan dan melaksanakan projek dan program baharu yang lebih memberikan impak yang positif terhadap pembangunan sosioekonomi masyarakat ke arah mencapai matlamat bagi memperkasa 'masyarakat mandiri'.

Ke arah itu, saya ingin mendapatkan penerangan lanjut mengenai pencapaian, hasil dan perkembangan terkini mengenai pelaksanaan Pelan Strategik berkenaan sesuai dengan sifatnya sebagai *living document* yang perlu sentiasa direview bagi memastikan ianya tetap relevan dengan perkembangan dan keadaan semasa. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengetahui mengenai status perkembangan beberapa projek utama Yayasan paduka ayahanda yang telah dibincangkan dalam mesyuarat terdahulu.

Pertama, mengenai Kompleks Yayasan paduka ayahanda yang dikendalikan pengurusan di bawah syarikat Wadah Amal Sendirian Berhad. Saya difahamkan masih terdapat banyak ruang-ruang komersial yang kosong. Oleh itu, apakah usaha dan strategi pemasaran yang akan diambil mengisikan ruang-ruang kosong berkenaan?

Kedua, mengenai Kampung Bolkiah. Saya difahamkan bahawa kerja-kerja pembaikan rumah telah dapat dilaksanakan secara berperingkat mengikut keutamaan. Selain dari itu, apakah langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan untuk membantu para penduduk kampung berusaha ke arah menjana aktiviti perekonomian di samping

meningkatkan *sense of belonging* dalam sama-sama menjaga keharmonian dan keselamatan kampung berkenaan.

Ketiga, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan paduka ayahanda. Galeri berkenaan nampaknya mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dengan mencatatkan ramai pengunjung. Saya ingin mengetahui apakah perancangan jangka sederhana dan panjang bagi meningkatkan penglibatan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam berkenaan di arena serantau dan antarabangsa, khususnya dalam melahirkan tenaga pusat yang berkemahiran dan berwibawa dalam bidang kesenian dan kaligrafi Islam.

Buat mengakhirinya, marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga paduka ayahanda, yang kita kasihi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sutan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan berkat amal kebajikan jariah baginda melalui Yayasan baginda ini, akan terus dilanjutkan usia, dikurniakan kesihatan yang berpanjangan dan berada dalam perlindungan-Nya serta mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



WAKTU SEMBAHYANG

Februari	Syaaban	MASIHI	HARI	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
19	9	ISNIN	5 . 06	5 . 16	6 . 35	6 . 57	12 . 35	3 . 54	6 . 34	7 . 44		
20	10	SELASA	5 . 06	5 . 16	6 . 35	6 . 57	12 . 35	3 . 54	6 . 34	7 . 44		
21	11	RABU	5 . 06	5 . 16	6 . 34	6 . 57	12 . 35	3 . 53	6 . 34	7 . 44		
22	12	KHAMIS	5 . 06	5 . 16	6 . 34	6 . 57	12 . 35	3 . 53	6 . 34	7 . 44		
23	13	JUMAAT	5 . 06	5 . 16	6 . 34	6 . 56	12 . 35	3 . 53	6 . 34	7 . 43		
24	14	SABTU	5 . 06	5 . 16	6 . 34	6 . 56	12 . 35	3 . 52	6 . 34	7 . 43		
25	15	AHAD	5 . 05	5 . 15	6 . 33	6 . 56	12 . 35	3 . 52	6 . 34	7 . 43		

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



ISNIN		SELASA		RABU	
Bandar Seri Begawan	32 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C
Pekan Bangar	32 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C
Pekan Tutong	32 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C
Kuala Belait	32 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG 19 FEBRUARI 2024

Kibarkan bendera negara

NEGARA Brunei Darussalam (NBD) tidak lama lagi akan menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan yang Ke-40, Tahun 2024 pada 23 Februari ini. Sehubungan itu, Upacara menaikkan Bendera Besar NBD telah diadakan pada 16 Februari yang lalu. Dengan demikian selaku rakyat dan penduduk negara bertuah ini, amat berperanan penting dan bertanggungjawab meraikan sambutan itu dengan mengibarkan bendera kebangsaan negara di kediaman masing-masing dan bangunan-bangunan pejabat dan perniagaan serta pemasangan dan penyalan lampu-lampu cucul di bangunan-bangunan kerajaan dan sektor swasta mulai 15 Februari sehingga 25 Februari 2024.

Upacara Pengibaran Bendera Kebangsaan NBD yang diadakan seluruh negara memang sinonim setiap kali menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan. Iaitu sebagai lambang kepada kewujudan dan kedaulatan sebuah negara di mana semua negara di dunia ini memiliki bendera rasmi mereka sendiri tidak terkecuali dengan negara kita Brunei Darussalam. Kerana bendera kebangsaan adalah lambang identiti, pengenalan sesebuah negara dan sesuatu bangsa, lambang kesepakatan dan perpaduan sesuatu bangsa yang mempunyai kemuliaan, keagungan dan martabatnya yang tersendiri yang perlu mendapat pengiktirafan dan penghormatan oleh bangsa dan negara yang lain di dunia.

Langkah Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri menganjurkan Kempen Semarak Kebangsaan dengan mengagihkan bendera negara yang telah berlangsung di seluruh daerah baru-baru ini adalah satu strategi untuk sama-sama membarigakan hari-hari kebesaran negara, di samping menanamkan semangat patriotik bagi semua peringkat masyarakat dan juga merupakan salah satu dari Strategi Komunikasi Bersemuka Jabatan Penerangan untuk mengukuhkan hubungan antara kerajaan dan masyarakat.

Begitu juga, Majlis Pengagihan Bendera Meja Kecil dan Upacara Menaikkan Bendera Negara yang sedang rancak dilakukan oleh pelbagai pihak dalam agensi kerajaan dan juga swasta adalah bertepatan dengan tujuan murni untuk sama-sama membarigakan dan memulakan pengibaran bendera negara sebagai tanda hormat dan bangga terhadap bendera negara yang menjadi lambang kedaulatan dan maruah bangsa dan negara yang tercinta.

Selain sebagai tanggungjawab penting, pengibaran bendera juga dilihat sebagai ukuran semangat patriotik rakyat dan penduduk di semua peringkat. Apabila bendera dapat berkibar dengan megahnya di setiap pelosok negeri, di bandar dan kampung, di bangunan-bangunan kerajaan, premis-premis perniagaan dan lain-lain menunjukkan betapa negara dan seluruh rakyat serta penduduk bersyukur menyambut hari bersukut baik dan penuh bersejarah.

Selaku rakyat dan penduduk negara ini, tidak kira apa bangsa pun agar sama-sama mengibarkan bendera pada waktu-waktu yang telah ditentukan. Semoga NBD akan sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, kekal aman, harmoni dan makmur. - **Ketua Penyuntingan (Na)**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pellita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندی رین برحد، نکارا برونی

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Kebawah DYMM berkenan kurniakan Surat Watikah Pelantikan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Awang Haji Harun bin Haji Junid; Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Abdul Razak bin Haji Abdul Kadir (kiri sekali dan kiri).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam, petang tadi berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam mula-mula berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Awang Haji Harun bin Haji Junid; Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Abdul Razak bin Haji Abdul Kadir; dan

Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Turkiye, Puan Yang Terutama Dayang Noni Zurainah binti Haji Ismi.

Selepas Majlis Mengurniakan Surat Watikah Pelantikan berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima mengadap secara bersama Ketua-ketua Perwakilan NBD yang baru dilantik.

Turut hadir pada majlis-majlis berkenaan ialah Menteri Hal

Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; dan Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar.

Majlis-majlis berkenaan berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat Watikah Pelantikan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Turkiye, Puan Yang Terutama Dayang Noni Zurainah binti Haji Ismi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik.

MAJLIS SANTAP MALAM SEMPENA ULANG TAHUN PUJA USIA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman serta paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia dijunjung bagi sesi bergambar ramai (atas), manakala gambar atas kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan beramah mesra pada majlis berkenaan.

>> Muka 1

Keberangkatan DYTМ dimeriahkan dengan barisan 50 anggota dari Sekolah Infantri, Tentera Darat Diraja Brunei mengalu-alukan keberangkatan

tiba DYTМ sepanjang jalan sebelum sampai ke pekarangan Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei.

Sejurus sahaja keberangkatan tiba, DYTМ dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berserta kerabat diraja kemudian dijunjung untuk menyertai sesi bergambar ramai dan seterusnya disembah kenalkan kepada anggota ABDB yang baru saja menamatkan penyertaan bagi misi Independent Decommissioning Body Verification, Monitoring and Assistance Team (IDB VMAT) Ke-4 di Mindanao, Republik Filipina dan Penugasan Misi Pengaman di dalam Malaysian Battalion 850-10 (MALBATT 850-10) bagi Misi United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL).

Setelah itu, DYTМ kemudian disembahkan dengan tayangan klip video dan sebuah buku khas 'Sejambak Ristaan XVII - Gemilang 50' yang mengandungi koleksi gambar-gambar kenangan pada awal penglibatan DYTМ semasa lawatan-lawatan dan acara-acara ABDB sehingga kini.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Masri Osman, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Majlis kemudiannya diikuti dengan penandatanganan Lembaran Kenangan sebelum berangkat ke Dewan Utama bagi Majlis Santap. Sambutan Hari Puja Usia DYTМ Ke-50 Tahun dimeriahkan lagi dengan Upacara Memotong Kek Puja Usia dan seterusnya berkenan menerima pesambah daripada seluruh warga ABDB yang merupakan Set Meja Eksekutif berkonsepkan integrasi keupayaan ketenteraan dan teknologi.

Bagi memberkati majlis, Doa Kesyukuran dibacakan oleh Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim, TLDB.

Majlis Santap Malam juga diserikan dengan persembahan daripada pegawai-pegawai dan anggota lain-lain peringkat ABDB yang berkonsepkan 'Mensyukuri Rahmat Ilahi' dan diikuti dengan tayangan video bagi menyebarkan Ucapan

Ulang Tahun Puja Usia ke hadapan majlis DYTМ dari unit-unit Angkatan Tentera, anggota-anggota ABDB yang sedang mengikuti penugasan di IDB VMAT dan UNIFIL serta Penasihat / Atase Pertahanan Negara Brunei Darussalam yang berada di luar negara.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTМ dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri berkenan menerima junjung ziarah daripada pegawai-pegawai dan anggota lain-lain peringkat ABDB.

Bersempena dengan Hari Ulang Tahun Puja Usia DYTМ Ke-50 Tahun ini, Kementerian Pertahanan berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala semoga DYTМ dan juga kerabat diraja sentiasa berada dalam kandungan sihat walafiat dan dilanjutkan usia serta mendapat limpah rahmat, taufik dan hidayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala.



DYTМ berkenan menerima pesambah daripada seluruh warga ABDB yang merupakan Set Meja Eksekutif berkonsepkan integrasi keupayaan ketenteraan dan teknologi.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan memotong Kek Puja Usia (atas), sementara gambar atas kiri, DYTМ berkenan menandatangani Lembaran Kenangan.



DYTМ dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah serta paduka-paduka adinda DYTМ berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam (atas). Sementara gambar kiri, DYTМ berkenan menerima junjung ziarah.

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN PUJA USIA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat bagi Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-50 Tahun yang dianjurkan oleh JPM (atas kiri dan bawah kiri). Sementara gambar atas kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan memotong Kek Puja Usia.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN,

Sabtu, 17 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat bagi Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-50 Tahun yang dianjurkan oleh JPM, hari ini.

Berangkat sama pada majlis yang berlangsung di Bangunan JPM itu ialah adinda-adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Duli Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah.

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di JPM, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang

Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim; Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Datin; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Datin berserta dengan Timbalan-timbalan Menteri di JPM dan pasangan masing-masing.

Semasa majlis berkenaan, DYTm dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dijunjung berangkat ke Galeri Pesambah bertempat di East Wing di mana DYTm telah disembahkan dengan Kek Puja Usia dan menerima kad sembah ucapan daripada warga JPM.

Turut menyebarkan kad sembah ucapan ke hadapan majlis DYTm ialah Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia; Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Kementerian Pengangkutan dan Info-Komunikasi; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Kementerian Pendidikan; Universiti Brunei Darussalam; Universiti Islam Sultan Sharif Ali; Universiti Teknologi Brunei; Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam.

DYTm dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri kemudiannya berkenan dijunjung berangkat bagi Majlis Santap di Dewan Banquet. Bacaan Doa Kesayukuran sempena Memperingati Hari Ulang Tahun Puja Usia DYTm Ke-50 Tahun dibacakan oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dan Datin; dan Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Sempena Hari Ulang Tahun Puja Usia DYTm Ke-50 Tahun, JPM memohon keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mengurniakan kesihatan, umur panjang dan kesejahteraan ke hadapan majlis DYTm dan juga kerabat diraja.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dijunjung berangkat bagi Majlis Santap di Dewan Banquet (atas kanan). Manakala gambar atas, DYTm berkenan menerima junjung ziarah.



DYTm Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah serta adinda-adinda DYTm dijunjung bagi sesi bergambar ramai (atas). Sementara gambar kiri, Doa Kesayukuran dibacakan oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin.

MAJLIS SANTAP PETANG RAIKAN PUJA USIA DPMM



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Majlis Santap Petang sempena Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Ke-50 Tahun anjuran Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) (atas dan kanan).



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto: Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

GADONG, Sabtu, 17 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman petang tadi berkenan berangkat ke Majlis Santap Petang sempena Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Ke-50 Tahun anjuran Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Berangkat sama pada majlis yang berlangsung di Dewan Bankuet, Kompleks Ibu Pejabat Polis Gadong berkenaan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah;

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima pesambah.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Komandan Polis Wanita; dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Juga hadir, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan

Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berserta kerabat diraja yang lain dijunjung oleh Pesuruhjaya Polis PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali serta Pengiran Datin; dan Timbalan Pesuruhjaya Polis PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang

menerima pesambah yang disembahkan oleh Pesuruhjaya Polis PPDB.

DYTM dan YTM serta kerabat diraja yang lain kemudiannya dijunjung ke Pentas Bankuet bagi Majlis Santap.

Seluruh warga PPDB serta keluarga dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan ucapan Selamat Hari Puja Usia Ke-50 Tahun ke hadapan majlis DYTM dan berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga akan sentiasa melimpahkan kurnia kesihatan kepada DYTM berserta kerabat diraja.

Sulaiman bin Alidin dan Datin.

Pada majlis berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani Lembaran Kenangan dan disusuli dengan sesi bergambar ramai.

Sambutan puja usia DYTM turut dimeriahkan lagi dengan majlis memotong kek yang diiringi dengan nyanyian puja usia yang disampaikan oleh pasukan koir terdiri daripada para pegawai PPDB.

DYTM seterusnya berkenan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan memotong kek.



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah serta adinda-adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah dijunjung bagi sesi bergambar ramai. Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Komandan Polis Wanita.

DPMM FC menang selesa tewaskan Wijaya FC

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Masri Osman, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Ahad, 18 Februari. - DPMM FC menang selesa petang tadi ke atas Wijaya FC dengan keputusan berakhir 4 - 0 pada perlawanan Liga Belia FABD Bawah 20 Tahun (FABD Youth League U20) yang berlangsung di Padang 'A', Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Berakas, di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan

di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat menyaksikan, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Turut berangkat menyertai pasukan DPMM FC ialah

anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim yang juga selaku Ketua Pasukan DPMM FC.

Pada perlawanan tersebut, jaringan pembukaan pasukan DPMM FC berjaya dihasilkan oleh Awangku Hadi Aiman pada minit ke-16 iaitu pada separuh masa pertama perlawanan.

Sementara itu pada separuh masa kedua pula, tiga jaringan gol dicatatkan bagi DPMM FC hasil sumbangan jaringan gol daripada Hakeme Said pada minit ke-64 dan minit ke-81 dan juga oleh YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim pada minit ke-75. Kedudukan 4-0 kekal hingga ke wisel penamat.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman serta anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia berangkat menyaksikan perlawanan tersebut.



TURUT berangkat menyertai pasukan DPMM FC ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim yang juga selaku Ketua Pasukan DPMM FC (atas), manakala gambar kiri, antara yang hadir menyaksikan perlawanan.

BIMBING GENERASI MUDA MEMPRAKTIKKAN TEKNOLOGI SELARAS PERUBAHAN ZAMAN

>> Muka 1

Namun dalam merangka apa jua aktiviti sabda Yang Teramat Mulia, janganlah lupa menyerapkan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dalam program-program berkenaan supaya ia dapat memberikan aspirasi dan nilai kebangsaan kita sendiri.

YTM seterusnya bersabda melahirkan kepercayaan bahawa persatuan ini adalah platform yang sangat sesuai

bagi melahirkan Pandu Puteri yang berkaliber dan berwawasan tinggi di samping melahirkan pemimpin-pemimpin muda yang berwibawa dan berintegriti. Maka adalah penting, sabda YTM bagi pemimpin persatuan untuk memiliki kemahiran kepimpinan dan menerapkan ciri-ciri tersebut dalam kalangan ahli-ahlinya.

Terdahulu, YTM bersabda mengambil maklum pada suku terakhir tahun lepas, PPPBD telah banyak mengunakayahkan aktiviti

yang menarik dan bermanfaat termasuklah acara antarabangsa iaitu Share, Learn, Grow yang telah mendapat sambutan yang baik dalam kalangan Persatuan Dunia Rantau Asia Pasifik khususnya Pandu Puteri dan Pengakap Puteri. YTM dalam sabda juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada PPPBD atas kejayaan tersebut.

Walaupun begitu, sabda YTM, masih lagi terdapat beberapa bidang yang boleh diterokai oleh persatuan ke arah memperbaiki dan meningkatkan lagi program bagi ahli-ahlinya. Di antaranya ialah dalam penggunaan teknologi kerana ia di dalam dunia digital pada ketika ini.

PPPBD sabda YTM lagi, perlulah mengambil peluang untuk membimbing generasi muda Pandu Puteri ke arah mempraktikkan penggunaan teknologi selaras dengan perubahan zaman.

"Buat akhirnya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pemegang-pemegang jawatan baharu. Saya berharap semoga



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Mesyuarat PPPBD (atas), manakala gambar kiri, sekitar majlis yang berlangsung di di Bilik Mesyuarat, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

semua ahli persatuan akan dengan cabaran perubahan dan sentiasa menjadikan PPPBD tetap perkembangan," tambah YTM relevan walaupun berhadapan mengakhiri sabda.



BERANGKAT MENGHADIRI MESYUARAT MAJLIS PPPBD



Oleh : Aimi Sani

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

diluluskan oleh Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri (Imperial Headquarters) di London dan diterima menjadi Ahli Bersekutu World Association of Girl Guides and Girl Scouts (WAGGGS) pada 26 Julai 1987.

Setakat ini, bilangan keahlian PPPBD ialah seramai 1,050 orang ahli di mana semenjak penubuhannya, PPPBD telah menjalankan pelbagai kegiatan serta projek kependuan yang berunsur keagamaan, kenegaraan, kemasyarakatan, kesihatan, pemeliharaan alam sekitar dan kemahiran.

Ahli-ahli PPPBD juga terlibat dalam pelbagai latihan, bengkel dan kursus perkembangan, perkhemahan dan persidangan yang diadakan di dalam dan luar negeri.

Sebagai sebuah persatuan yang mempunyai matlamat untuk memperkasa golongan perempuan 'Empowering Young Women and Girls', setiap kegiatan dan projek yang dirancang oleh PPPBD adalah khusus untuk

membantu perkembangan diri dan sahsiah ahli-ahli persatuan daripada peringkat umur kanak-kanak perempuan lagi.

Sebagai entiti negara, persatuan ini turut melambangkan dan menyebarkan tradisi masyarakat tempatan sambil menyesuaikan diri untuk memenuhi tahap-tahap sedunia seperti yang dikehendaki oleh WAGGGS.

Tugas seperti itu dibuat dengan penuh azam di negara ini dan melibatkan penyertaan aktif bukan sahaja oleh ahli-ahli persatuan tetapi juga sokongan yang amat dihargai daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam selaku Penaung Diraja PPPBD.

Turut hadir pada mesyuarat tersebut ialah Naib Yang Dipertua Sepanjang Hayat PPPBD, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali dan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Siti Hafsa binti Haji Abdul Halim.

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Majlis PPPBD yang diadakan di Bilik Mesyuarat, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok (atas dan bawah kanan).

KAMPUNG KATOK, Ahad, 18 Februari. - Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) mengadakan Mesyuarat Majlis PPPBD dengan tujuan untuk membentangkan laporan aktiviti-aktiviti tahunan persatuan dan kemuncaknya melantik Ketua Pesuruhjaya PPPBD dan Ahli Majlis bagi Sesi 2024-2029, hari ini.

Berkenan berangkat menghadiri mesyuarat tersebut yang diadakan di Bilik Mesyuarat, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku Yang Dipertua PPPBD.

Terdahulu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Viviyanti binti Haji Md. Ali dalam sembah alu-aluannya

menyembahkan, mewakili semua lapisan warga PPPBD merafakkan sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih yang tidak terhingga atas kepimpinan bijaksana Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah dalam persatuan ini dan berkenan menerima jawatan Yang Dipertua PPPBD.

Dayang Hajah Viviyanti dalam sembahnya turut menambah, di bawah teraju kepimpinan Yang Teramat Mulia nanti, sudah setentunya PPPBD akan memasuki satu era baharu yang akan diisikan dengan kegiatan yang bermanfaat khususnya untuk ahli-ahli persatuan dan juga masyarakat amnya.

YTM seterusnya berkenan mengurniakan sabda dan menyempurnakan Mesyuarat Majlis PPPBD diikuti dengan pembentangan Perlembagaan Persatuan PPPBD dan laporan mengenai kegiatan-kegiatan persatuan serta pencalonan Ahli

Majlis bagi Sesi 2024-2029. Pada akhir mesyuarat tersebut, YTM berkenan menerima pesambah.

PPPBD telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 Februari 1951 bila mana Perlembagaan PPPBD



Bertakwa : Jalan keluar daripada segala kesukaran

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Februari. - Allah Subhanahu Wata'ala berjanji kepada orang-orang yang bertakwa akan memberi mereka jalan keluar daripada segala macam kesukaran dalam hidup ini.

Adapun antara cara untuk menjadi orang yang bertakwa itu adalah pertama : menjaga kesempurnaan ibadah sembahyang; kedua : membaca Al-Quran dan memahaminya serta mengamalkan isi kandungannya; ketiga : bersyukur atas nikmat yang diberi; dan keempat : sentiasa memohon doa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala.

Demikian antara perkara yang disampaikan di dalam tazkirah oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Muhammad Nazir bin Haji Othman dari Rumah Kegiatan Ugama Kampung Bebuloh sebagai penyerikan lagi Program Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-125, hari ini.

Program Malam Munajat yang diadakan hari ini mengundang tetamu khas, Ketua 1 ASTERAWANI, Profesor Ampuan Dr. Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah yang juga memimpin bacaan Sayyidul

Istighfar dan Surah Al-Fatihah dari Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku.

Turut hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi Program Malam Munajat tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Juga hadir dalam mengimarahkan Program Malam Munajat tersebut ialah Ahli-ahli ASTERAWANI; tenaga pengajar dari Pusat Bahagia, Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Bengkurong; Ahli-ahli Persatuan Muallaf Kegiatan Ugama Kampung Bebuloh; Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir serta jemaah dari Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku serta beberapa buah masjid, surau dan balai ibadat dari seluruh negara berjumlah 69 buah. Turut penyerikan Malam Munajat, warga kerja di bawah KHEU bersama keluarga dari kediaman masing-masing.

Sesela bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diteruskan dengan bacaan Surah Al-Mulk



beramai-ramai dipimpin oleh Tenaga Pengajar Institusi Khas, Pusat Bahagia, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kampung Pulaie, Awang Haji Nuurmatin bin Haji Abu Bakar dari Surau Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba.

Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Pengarah Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar dari Masjid Pengiran

Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku.

Sejurus selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat Taffriyyah beramai-ramai dipimpin oleh Tenaga Pengajar Institusi Khas, Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Bengkurong, Awang Sanif bin Haji Tarip dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba.

Bagi mengakhiri acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara

PROGRAM Malam Munajat mengundang tetamu khas, Ketua 1 ASTERAWANI, Profesor Ampuan Dr. Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Morni bin Haji Nayan dari Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku.

Program Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, meminta keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat serta penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu Malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu> atau <https://www.facebook.com/pdi.kheu>.

JPM ANJUR MAJLIS DOA KESYUKURAN PUJA USIA

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Februari. - Sempena Memperingati Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang Ke-50, JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Hadir pada majlis yang berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks Bangunan JPM, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir ialah Timbalan-timbalan Menteri; Hakim-hakim; Setiausaha Tetap; ; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan dan bahagian; para jemputan khas dan para pegawai serta kakitangan JPM dan jabatan-



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir pada Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Ratib Al-Attas beramai-ramai yang dipimpin oleh Imam Masjid Ash-Shaliheen, Awang Md. Syariff Wafiuddin

bin Jemain dan diteruskan dengan bacaan Doa Khas yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji

Emran. Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.



ANTARA yang hadir pada Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks Bangunan JPM.

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"jawab? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

24 syarikat dibenarkan kendali perkhidmatan Pakej Umrah

Siaran Akhbar dan Infografik :
Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji sukacita memaklumkan bahawa tiga buah lagi syarikat pelancongan iaitu Syarikat Al-Miqat Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Humzaik Travel & Tours Sdn. Bhd., dan Syarikat El-Abqari Travel & Tours Sdn. Bhd. diberi kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi Tahun 2024 Masihi.

Dengan kebenaran tersebut, maka pada ketika ini terdapat 24 buah syarikat pelancongan telah diberikan kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi Tahun 2024 Masihi.

Antara syarikat-syarikat tersebut ialah Syarikat Darussalam Holdings Sdn. Bhd.; Syarikat Straits Central Agencies Sdn. Bhd.; Syarikat Raudah Al-Amin Sdn. Bhd.; Syarikat Continental Yachting Sdn. Bhd.;

Syarikat At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd.; Syarikat Titian Travel & Tours Sdn. Bhd.; Syarikat Dar El-Ehsan Travel & Tours Sdn. Bhd.; Syarikat Al-Hijrah Travel & Tours Sdn. Bhd.; dan Syarikat Al-Abraj Travel & Tours Sdn. Bhd.

Syarikat Al-Baraka Travel Services Sdn. Bhd.; Syarikat Aleiya Voyages Sdn. Bhd.; Syarikat Al-Hajat Tours & Travels Agency Sdn. Bhd.; Syarikat Al-Haramain Bil Iman Travel & Tours Sdn. Bhd.; Syarikat A Safa Travel & Tours Sdn. Bhd.; Syarikat Baluriah Travel Sdn. Bhd.; Syarikat Humaira Travel Centre (Borneo) Sdn. Bhd. dan Syarikat JB Travel Agencies Sdn. Bhd.

Seterusnya, Syarikat Lamisa International Tours & Travels Sdn. Bhd.; Syarikat Mustaqim Travel & Tours Sdn. Bhd.; Syarikat PGGMB Travel Services Sdn. Bhd.; Syarikat Qamaroon Tours Sdn. Bhd.; Syarikat Al-Miqat Travel & Tours Sdn. Bhd.; Syarikat Humzaik Travel & Tours Sdn. Bhd. dan Syarikat El-Abqari Travel & Tours Sdn. Bhd.

Senarai syarikat berkenaan juga boleh diperolehi melalui laman sesawang rasmi Kementerian

Hal Ehwal Ugama di www.kheu.gov.bn atau berhubung terus ke Jabatan Urusan Haji menerusi

talian +673 2384478 atau e-mel juh.kheu@mora.gov.bn.

Orang ramai yang berhasrat untuk

menunaikan ibadat umrah bolehlah berhubung terus dengan syarikat-syarikat yang dibenarkan tersebut.

SYARIKAT-SYARIKAT PENGENDALI PERKHIDMATAN PAKEJ HAJI DAN UMRAH MENGIKUT KATEGORI PAKEJ DAN VISA

BIL.	NAMA SYARIKAT	TEMPOH KEBENARAN	PAKEJ HAJI	PAKEJ UMRAH (VISA UMRAH)	PAKEJ UMRAH (VISA PELANCONG ARAB SAUDI)
1	DARUSSALAM SERVICES SDN BHD	3 TAHUN [1443 HJRAH HINGGA 1445 HJRAH]	✓	✓	✓
2	STRAITS CENTRAL AGENCIES (B) SDN BHD		✓	✓	✓
3	CONTINENTAL YACHTING SDN BHD		✓	✓	✓
4	RAUDAH AL-AMIN SDN BHD		✓	✓	✓
5	DAR EL EHSAN TRAVEL & TOURS SDN BHD		✓	✓	✓
6	AT-TAQWA TRAVEL TOURS SDN BHD		✓	✓	✓
7	TITIAN TRAVEL & TOURS SDN BHD		✓	✓	✓
8	AL-HIJRAH TRAVEL & TOURS SDN BHD		✓	✓	✓
9	AL ABRAJ TRAVELS & TOURS SDN BHD		✗	✗	✓
10	AL-BARAKA TRAVEL SERVICES SDN BHD		✗	✗	✓
11	ALEIA VOYAGES SDN BHD	1 TAHUN [2024 MASIHI]	✗	✗	✓
12	AL-HAJAT TOURS & TRAVELS AGENCY SDN BHD		✗	✗	✓
13	AL-HARAMAIN BIL IMAN TRAVEL & TOURS SDN BHD		✗	✗	✓
14	AS SAFA TRAVEL & TOURS SDN BHD		✗	✗	✓
15	BALURIH TRAVEL SDN BHD		✗	✗	✓
16	HUMAIRA TRAVEL CENTRE (BORNEO) SDN BHD		✗	✗	✓
17	JB TRAVEL AGENCIES SDN BHD		✗	✗	✓
18	LAMISA INTERNATIONAL TOURS & TRAVELS SDN BHD		✗	✗	✓
19	MUSTAQIM TRAVEL & TOURS SDN BHD		✗	✗	✓
20	PGGMB TRAVEL SERVICES SDN BHD		✗	✗	✓
21	QAMAROOON TOURS SDN BHD		✗	✗	✓
22	AL-MIQAT TRAVEL & TOURS SDN BHD		✗	✗	✓
23	HUMZAIK TRAVEL & TOURS SDN BHD		✗	✗	✓
24	EL-ABQARI TRAVEL & TOURS SDN BHD		✗	✗	✓

(Dikemaskini pada 7 Sya'ban 1445H bersamaan 17 Februari 2024M)

DOA KESYUKURAN SEMPENA HARI PUJA USIA

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Sabtu, 17 Februari. - Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB), Tutong mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Pujia Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang Ke-50 Tahun di Surau As-Salam hospital berkenaan, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar. Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah.

Seterusnya bacaan Doa Kesyukuran bersempena dengan

Sambutan Hari Pujia Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-50 Tahun oleh Ketua Guru Agama Hospital PMMPMHAMB, Pengiran Haji Radiman bin Pengiran Haji Tengah.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Dr. Hajah Anie Haryani binti Haji Abd. Rahman; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Khalifah bin Pengiran Haji Md. Ismail; ketua-ketua jabatan berserta pegawai-pegawai dan kakitangan Hospital PMMPMHAMB.

YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran.



410.23kg sampah berjaya dikumpulkan

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin

TUTONG, Sabtu, 17 Februari. - Kementerian Kesihatan telah mengadakan Kempen Kebersihan Senegara Persisiran Pantai bagi serpihan laut Coastal Marvel bertempat di Pantai Seri Kenangan, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat dan ikut serta dalam kempen tersebut ialah Menteri Kesihatan,

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Antara objektif Kempen Kebersihan ini diadakan adalah bagi mengumpul *baseline data* atau data asas serpihan laut di persisiran; mengenal pasti jenis serpihan laut yang ada; dan memperkasa masyarakat untuk

YANG Berhormat Menteri Kesihatan menyertai Kempen Kebersihan Senegara Persisiran Pantai bagi serpihan laut Coastal Marvel bertempat di Pantai Seri Kenangan.

menanamkan rasa tanggungjawab dalam melindungi dan memelihara alam sekitar melalui kaedah pembuangan sampah yang betul.

Kempen Kebersihan Senegara Persisiran Pantai tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa oleh Ketua Guru Agama, Jabatan Kesihatan Tutong, Awang Abd. Yazid bin Haji Rosli Aziz.

Majlis diteruskan lagi dengan sesi bergambar ramai dan Kempen Kebersihan dimulakan. Seterusnya, sesi menimbang sampah iaitu sebanyak 89 beg sampah seberat 410.23 kilogram telah berjaya dikutip semasa Kempen Kebersihan dijalankan.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Ang Swee Hui; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Anie Haryani



binti Haji Abd. Rahman; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, ketua-

ketua jabatan, berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.



ANTARA objektif Kempen Kebersihan ini diadakan adalah untuk menanamkan rasa tanggungjawab dalam melindungi dan memelihara alam sekitar melalui kaedah pembuangan sampah yang betul (atas dan kanan).



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan
bagi pemohon yang mamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi
Kad Pengenal / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan
(Sijil berhenti Sekolah)



PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan
menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja



PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran



PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif



ISRAK MIKRAJ MEMPERLIHATKAN TANDA KEBESARAN, KEKUASAAN ALLAH



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Februari. - Perjalanan Israk dan Mikraj merupakan mukjizat agung Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dalam perjalanan berkenaan, Baginda diperlihatkan perkara-perkara yang luar biasa. Baginda juga merentasi masa lalu dan masa hadapan.

Perkara berkenaan merupakan antara inti pati Ceramah Khas yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran

Haji Sellahuddin, pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya bagi Tahun 1445H / 2024M.

Pada majlis yang berlangsung di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, di sini, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani turut mengongsikan bahawa perjalanan Israk dan Mikraj turut menjadi ujian kepada manusia yang menguji tahap keimanan mereka.

Tujuan atau matlamat besar

perjalanan Israk dan Mikraj katanya, adalah untuk memperlihatkan dan menunjukkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam daripada tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Perkara yang paling istimewa dan besar yang diberikan kepada Rasulullah dan umat Baginda dalam peristiwa ini jelasnya lagi, adalah perintah sembahyang fardu lima waktu sehari semalam.

Kunci utama untuk memperoleh kejayaan di akhirat kelak tambahnya, adalah dengan memelihara ibadah sembahyang kerana ibadah

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj (kiri), manakala gambar kanan, Ceramah Khas disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin.



sembahyang merupakan amalan yang akan menentukan kejayaan atau kegagalan seorang hamba ketika dihisab pada hari kiamat kelak.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank, ketua-ketua

jabatan dan bahagian berserta pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, disusuli dengan Ceramah Khas, dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Doa Penutup.

Majlis berkenaan merupakan salah satu aktiviti tahunan keagamaan Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang bertujuan untuk memperingati dan membesarkan peristiwa Israk dan Mikraj, di samping mengeratkan hubungan silaturahim antara para pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Pada tahun ini, majlis diselenggarakan oleh Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Memperingati peristiwa agung Israk, Mikraj

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



TAZKIRAH Khas disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

SENGKURONG, Sabtu, 17 Februari. - Dalam sama-sama mengambil iktibar dan pedoman daripada peristiwa agung Israk dan Mikraj, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Kenaziran Sekolah-sekolah, Jabatan Pengajian Tinggi dan Pusat Pendidikan Cerdas, Pintar dan Berbakat petang tadi mengadakan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi bertempat di Dewan Multimedia Theatre, Pusat Tingkatan Enam Sengkurong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat,

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Imam Tingkat I, Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Awang Haji Mohd Amaluddin bin Haji Jamaluddin.

Majlis diserikan lagi dengan Tazkirah Khas bertajuk 'Ibrah Peristiwa Israk dan Mikraj : Jaga Solat' iaitu bertepatan dengan tema Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1445H / 2024M, yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Dalam tazkirahnya, Haji Awang Muhammad Najib menyentuh mengenai peristiwa Israk Mikraj yang merupakan mukjizat kedua terbesar yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Jelasnya, peristiwa Israk dan Mikraj menunjukkan bukti kebesaran, kekuasaan dan keagungan Allah Subhanahu Wata'ala dengan memperjalankan hamba-Nya, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam untuk memperlihatkan Baginda beberapa kejadian aneh lagi pelik dan ajaib yang mana setiap kejadian itu boleh dijadikan iktibar dan pedoman hidup umat Islam di dunia ini.

Kemuncak Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dimikraj ialah bagi menerima perintah sembahyang, sekali gus memperlihatkan kepentingan dan keutamaan sembahyang fardu yang menjadi perintah utama kerana ia menjadi ibu segala amal ibadah, wajib dilaksanakan sama ada semasa sihat atau sakit dan menjadi tonggak kekuatan agama.

Menurutnya, peristiwa Israk dan Mikraj banyak mengajarkan bahawa sembahyang adalah perkara utama dan penting dalam kehidupan manusia supaya terjalin hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala dalam apa jua situasi.

Melalui tazkirah yang disampaikan, adalah diharap agar warga kementerian akan dapat memperingati dan mengambil iktibar serta pengajaran daripada peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis ini merupakan salah satu aktiviti tahunan Kementerian Pendidikan dalam sama-sama menyemarakkan lagi sambutan hari-hari kebesaran Islam, di samping mengeratkan hubungan silaturahim sesama pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha-setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi dan Pendidikan Teras), Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai serta kakitangan Kementerian Pendidikan.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj (atas). Sementara gambar bawah, sebahagian yang hadir mendengarkan tazkirah berkenaan.



HARI TERBUKA LCB : PELUANG KETAHUI PENGGAJIAN DITAWARKAN

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada Hari Terbuka Kolej Perniagaan Laksamana (LCB) (atas dan kiri). Manakala gambar bawah kanan, Ketua Pegawai Operasi dan Timbalan Pengetua LCB, Mr. S. Sivarajah semasa berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Februari. - Hari Terbuka Kolej Perniagaan Laksamana (Laksamana College of Business - LCB) adalah platform untuk mempamerkan kemudahan, produk, dan perkhidmatan bertaraf dunia kepada orang ramai, bakal pelajar dan keluarga mereka.

Ia merupakan peluang bagi orang ramai untuk mengalami secara langsung kehidupan dinamik para pelajar di LCB.

Daripada sesi maklumat mengenai kursus dan modul hinggalah demonstrasi masakan yang memukau di Sekolah Kulinari LCB serta persembahan hebat daripada Majlis Pelajar LCB, Hari Terbuka tersebut menyediakan pelbagai acara menarik untuk orang ramai.

Perkara berkenaan antara yang dinyatakan oleh Ketua Pegawai Operasi dan Timbalan Pengetua

LCB, Mr. S. Sivarajah semasa Majlis Pelancaran Hari Terbuka LCB dan Pelancaran Kursus-kursus Terbaharu di LCB, bertempat di Auditorium LCB, Bangunan Annexe LCB, di sini.

Terdahulu, Mr. S. Sivarajah menyatakan, di LCB, mereka berjanji untuk menyumbang kepada mencapai matlamat pertama Wawasan Brunei 2035 iaitu menghasilkan individu yang berpendidikan, berkemahiran tinggi, dan berjaya.

Tambahnya, matlamat LCB adalah untuk menawarkan pendidikan berkualiti bagi menjadikan tenaga kerja yang kompeten yang mampu memenuhi tuntutan landskap global yang berkembang pesat.

LCB jelasnya lagi, berhasrat untuk memperkasa pelajar mereka menjadi pemimpin masa depan dan inovator melalui inisiatif seperti kursus BTEC terbaharu dalam

mendorong perubahan positif dalam masyarakat.

Hadir pada majlis pelancaran berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku tetamu kehormat majlis.

Pada majlis berkenaan, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II juga turut menyempurnakan pelancaran dua kursus baharu, iaitu Level 2 Travel and Tourism; dan Level 2 Information Technology; disusuli dengan Pelancaran Hari Terbuka LCB 2024.

Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderamata penghargaan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis kepada para penaja, diikuti dengan penyampaian cenderamata yang disampaikan oleh Pengarah Abdul

Razak Holdings, Awang Haji Suhaime bin Haji Awang Besar, kepada tetamu kehormat majlis.

Hari Terbuka LCB 2024 diadakan selama tiga hari bermula hari ini sehingga 19 Februari 2024, bermula jam 11.00 pagi hingga 8.00 malam, dengan menawarkan pelbagai aktiviti dan hadiah percuma secara eksklusif.

Acara tahun ini berbeza daripada sebelumnya dengan penyertaan pelbagai vendor makanan, minuman, kraf dan barangan terpakai sepanjang acara.

Selain itu, tiga cabutan bertuah berasingan akan diadakan untuk orang ramai, dan para pelajar.

Selain itu, Hari Terbuka LCB 2024 juga mengadakan pameran korporat yang disertai oleh Netcom Computer House, Imagine Sdn. Bhd., Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Progresif Sdn. Bhd., Baiduri Bank dan Rela Insurance.

Syarikat-syarikat berkenaan

turut mempamerkan produk dan perkhidmatan istimewa semasa acara diadakan.

Orang ramai boleh mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti, termasuk Treasure Hunts, dan acara-acara menarik yang dianjurkan oleh Majlis Pelajar LCB.



PPDB adakan Doa Kesyukuran Puja Usia



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang Ke-50 Tahun yang diadakan di Surau Polis Gadong, PPDB.

GADONG, Sabtu, 17 Februari. - Bersempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang Ke-50 Tahun, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) kelmarin mengadakan

Majlis Doa Kesyukuran di Surau Polis Gadong, PPDB.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Haji Awang Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Turut hadir ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin serta para Pengarah, Timbalan Pengarah, para Pegawai Pemerintah Daerah Polis, Ketua-ketua Formasi, para pegawai kanan, anggota serta kakitangan PPDB.

Majlis yang dikendalikan oleh Badan Ugama Islam (BUI) PPDB berkenaan dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin, diikuti dengan Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia yang dipimpin oleh Imam Surau Polis Gadong, APO Staf Sarjan 6472 Awang Mohammad Yusri bin Haji Abu Bakar dan diakhiri dengan Solat Fardu Isyak Berjemaah.

KAPAL JS SHIMAKAZE, JS SUZUNAMI BERLABUH DI NBD



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam semasa hadir dan bergambar ramai (kanan dan kiri), manakala gambar bawah kanan, Kapal Tentera Laut Angkatan Maritim Pertahanan Diri Jepun membuat pelabuhan di Pelabuhan Muara.

JS Shimakaze dan JS Suzunami bersama pegawai-pegawai TLDB sebagai pengesahan hubungan rapat antara dua angkatan tentera laut. Manakala pada sebelah petang, JS Shimakaze menganjurkan Majlis Resepsi yang disertai oleh pegawai-pegawai TLDB dan kor diplomatik.

Di samping mengadakan lawatan kebudayaan di negara ini, para kadet dan anggota tentera laut Jepun juga menyertai TLDB dalam Kempen Mbersihkan Pantai yang turut disertai oleh Timbalan Ketua Perwakilan di Kedutaan Jepun, Suda Atsushi dan Letenan Wata Toshifumi dari Muara.

Tahun ini merupakan Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik antara Jepun dan NBD dalam mengeratkan lagi hubungan kerjasama dua hala, yang diraikan sebagai '2024 Japan-Brunei Friendship Year'.

Lawatan Angkatan Maritim Pertahanan Diri Jepun itu bertujuan untuk membangunkan dan memupuk pengetahuan dan kemahiran asas serta perspektif antarabangsa dan menggalakkan hubungan mesra dengan negara-negara pelabuhan.



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

MUARA, Sabtu, 17 Februari. - Dua buah Kapal Tentera Laut Angkatan Maritim Pertahanan Diri Jepun iaitu JS Shimakaze dan JS Suzunami, membuat pelabuhan di Pelabuhan Muara hari ini dan akan berada di Negara Brunei Darussalam (NBD) selama tiga hari.

Kira-kira 450 anggota Tentera Laut Jepun termasuk 93 kadet menyertai pelayaran berkenaan, di bawah pimpinan Komander Bahagian Latihan 1, Kapten Yanagihara Makoto. Setibanya,

kapal-kapal Tentera Laut Jepun di Pelabuhan Muara, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) mengadakan upacara mengalu-alukan kapal berkenaan.

Sementara itu, Pegawai Memerintah JS Shimakaze dan JS Suzunami mengalu-alukan ketibaan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Maeda Toru di atas kapal.

Majlis diakhiri dengan pertukaran token antara Pegawai Memerintah



Suntik semangat patriotik penduduk kampung

Berita dan Foto : Ihsan MPK Kawasan 2, RPN, Kampung Mentiri



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang juga Ketua Kampung Subok hadir selaku tetamu kehormat pada Kempen Pengibaran Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

MENTIRI, Sabtu, 17 Februari. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 2, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri tidak ketinggalan dalam memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40 dengan mengadakan Kempen Pengibaran Bendera Kebangsaan NBD.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, yang juga Ketua Kampung

Subok.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pemangku Ketua Kampung Kawasan 2, RPN Kampung Mentiri, Awang Haji Mohd. Nizam bin Haji Julaihi menyeru kepada semua Ahli Jawatankuasa Kampung dan para penduduk kampung agar akan dapat turut sama menaikkan bendera kebangsaan.

"Inilah waktunya kita sama-sama memeriahkan sambutan hari kemerdekaan kita.

"Kita perlu menzahirkan semangat patriotik serta jiwa kebangsaan dan semoga

negara kita yang dicintai ini terus maju di bawah kepimpinan raja dikasihi," ujar beliau lagi.

Upacara pengibaran bendera bermula di rumah Pemangku Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Kampung Mentiri dan beredar ke rumah-rumah penduduk kampung terpilih bagi mewakili Zon 1 hingga Zon 5.

Upacara mengibar bendera di rumah-rumah terpilih berkenaan diadakan buat julung kalinya bagi menyuntik semangat patriotik penduduk kampung dan menyemai rasa cinta kepada negara.

كمنترين كصحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser no. 1 di kalangan lelaki dan no. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Lelaki
Wanita

Kanser Kolorektal adalah penyebab bagi 22% kanser lelaki dan 12% kanser wanita

Faktor Risiko:

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita.
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal.
- Pernah menghidap kanser kolorektal.
- Berat badan yang berlebihan.
- Merokok.
- Tidak aktif.
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak.
- Meminum minuman keras yang berlebihan.

Langkah Pencegahan:

- Tidak merokok.
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Elakkan meminum minuman keras.
- Meningkatkan aktiviti fizikal.
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal.

Tanda-tanda kanser kolorektal:

- Perubahan dalam pergerakan usus.
- Darah dalam najis.
- Sakit perut yang berpanjangan.
- Kembung perut.
- Kurang selera makan.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari www.ppkk.gov.bn



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Iklan Tawaran

Tajuk Iklan :

24 Months Contract For
Cleaning & Grasscutting
At Pusat Penempatan Sementara
Kg. Sungai Akar, JAPEM

Rujukan Iklan :

JAPEM / TERM2024 /
CLEANCUTPPS-SGAKAR / RB

Tajuk Iklan :

24 Months Contract For
Cleaning & Grasscutting
At Pusat Penempatan Sementara
Sentosa, JAPEM

Rujukan Iklan :

JAPEM / TERM2024 /
CLEANCUTPPS-SENTOSA / RB

Tajuk Iklan :

Garbage Collection And
Disposal For 24 Months At:
1. Kompleks Rumah Kebajikan &
Flat Staff Belimbing Subok,
Spg 421
2. Pusat Penempatan Sementara
JAPEM Belimbing Subok, Spg 564
3. Pusat Bahagia Pulaie
4. Pusat Penempatan Sementara
JAPEM Sungai Akar
5. Pusat Penempatan Sementara
JAPEM Jalan Sentosa, BSB

Rujukan Iklan :

JAPEM / TERM2024 /
GARBCOLLECT / RB

Tarikh Tutup :

Khamis, 7 Mac 2024
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :

-

Kategori :

P06

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :

Khamis,
22 Februari 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa, 27 Februari 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:

JKR / DOD / 1 / 2024

Nama Projek:

Brunei Darussalam Central
Banking (BDCB) Building
Project (Formerly New
Headquarters Building For The
Autoriti Moneteri Brunei
Darussalam) – Supply And Install
of Loose Furniture, Blinds &
Frosted Sticker (Package 7B)

Yuran Tawaran :

BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :

BND5.00
(Tidak dikembalikan)



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :

II & III

Kategori :

B01 Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :

Selasa,
20 Februari 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
27 Februari 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran :

JKR / DTS / 06 / CQS / 2024 – T
/ II

Nama Projek :

Kerja-Kerja Menaik Taraf dan
Pengubahsuaian Bangunan Kedai
Rakyat Jati dan Bangunan Tamu
Aneka di Pekan Bangar, Daerah
Temburong @ Pengubahsuaian
Bangunan Kedai Rakyat Jati.

Yuran Tawaran :

BND30.00



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran

Kontrak Bermusim Bagi Kerja-
Kerja Pembersihan Bangunan
(Cleaning Service)
Bangunan-Bangunan Di Bawah
Kawalan Jabatan Penerbangan
Awam Bagi Tempoh 24 Bulan
(2 Tahun)

AME / 2024-2025 / SH-06
(kelas I dan II)

Tarikh Iklan / Mengambil

Dokumen Tawaran :
14 Februari 2024, Rabu.

Tarikh Terakhir Mengambil

Dokumen Tawaran :
27 Februari 2024,
Selasa.



Rujukan Tawaran :

MINDEF / DFA / FY2024 / DITU /
TA / 04

Pemasangan Baru Fiber Optic

Yuran Tawaran :

BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran



Tarikh Tutup Tawaran :

28 Februari 2024,
Rabu.
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Kepada :

Pengerusi Jawatankuasa
Sebut Harga
d/a Tingkat Bawah, Seksyen
Kewangan, Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam,
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



adalah seminggu sebelum
tarikh tutup tawaran,
iaitu Isnin, 11 Mac 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :

12.00 Tengah Hari,
Selasa, 19 Mac 2024



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK**



DME

TAWARAN			TARIKH TUTUP MENGHANTAR BORANG TAWARAN KE DALAM PETI TAWARAN (TIDAK DIBENARKAN MENGAMBIL BORANG TAWARAN)
TARIKH MULA	TARIKH MELIHAT, MENGAMBIL DAN MENGHANTAR BORANG TAWARAN (WAKTU BEKERJA)		
4 MAC 2024 (ISNIN)	4 MAC 2024 (ISNIN) HINGGA 7 MAC 2024 (KHAMIS)		9 MAC 2024 SEBELUM JAM 9.00 PAGI (SABTU). (MEMBUKA PETI TAWARAN)
	ISNIN HINGGA KHAMIS	PAGI : 8.30 HINGGA 11.30 PETANG : 1.30 HINGGA 3.00	
	SABTU	PAGI : 8.30 HINGGA 10.30 PETANG : TUTUP	

LOT	KETERANGAN		BERTEMPAT	
1	1 LOT	PERALATAN ELETRIK, PERABOT MESIN DAN TANGKI AJR	Sek. Ren. Tungku	Tempat Penyimpanan Besi Buruk Kerajaan, J.K.R. Sinarubai
2	1 LOT	PENGHAWA DINGIN DAN CHILLER	Sek. Man. Sayyidina Othman, Tutong.	
3	1 LOT	METER AIR	Tempat Penyimpanan Basi Buruk Kerajaan, J.K.R. Sinarubai	
4	1 BUAH	DAEWOO NUBIRA 1.6 SX (WAGON)		
5	1 LOT	PERALATAN KOMPUTER DAN AUDIO VISUAL		
6	5 BUAH	PERAHU, SEA DOO JET SKI DAN BOAT \$1	Tempat Penyimpanan Besi Buruk Kerajaan, J.K.R. Sinarubai	Polis Marin Muara
7	1 LOT	PORTAL CABIN DAN TOWER	ABCI, Lapangan Terbang Jema Berakas	RTB Andulau



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran :

JPE / LTK / PDP / 083 / 2023

Tajuk Tawaran:

Supply, Delivery And Installation Of
Cable Sealing End For GPS2 GIS
Line Gadong Feeder 4 (Feeder 08)
And Gadong Feeder 6 (Feeder 21)

Tarikh Tutup :

Selasa
27 Februari 2024,
jam 2.00 Petang.

Yuran Tawaran :

BND30.00 tidak dikembalikan

Tempat Tutup :

'Tender Box'
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan Kelas :

3, 4 atau 5

Kategori :

E03

[Mempunyai pekerja mahir
dan terlatih bagi kerja-kerja di
atas menara dan memiliki sijil



berkelayakan "HV Application",
"Working At Height (WAH)" &
"Contractor Safety Awareness
(CSA)" yang sah

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan yang lanjut bolehlah
diperoleh dari
Bahagian Kaunter Unit Tawaran
dan Sebut harga, Tingkat 4,
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri.



- 1. UNISSA / SB0076 / 2023 / 2024**
– TO RENEW, MAINTENANCE AND SUPPORT LICENSE FOR FIREWALL FG601E
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)
- 2. UNISSA / SB0077 / 2023 / 2024**
– TO SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, CONFIGURATION, TESTING AND COMMISSIONING OF P.A. SYSTEM (SMART COMPUTER LAB) FOR GADONG CAMPUS UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)
- 3. UNISSA / SB0078 / 2023 / 2024**
– TO SUPPLY, DELIVER, INSTALL AND CONFIGURATION OF ICT EQUIPMENT FOR INTEGRATED RESEARCH AND INNOVATION MANAGEMENT SYSTEM
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)
- 4. UNISSA / SB0079 / 2023 / 2024**
– TO SUPPLY AND DELIVER T18 DIGITAL HOMOGENISER FOR UNISSA RESEARCH GRANT TITLED “EVALUATING FERMENTED COFFEE WASTE WITH WATER SPINACH AS A SUSTAINABLE PROTEIN SUPPLEMENT FOR THE CULTURE OF TILAPIA,



Pemberitahuan Tawaran Kementerian Pertahanan

Rujukan Tawaran :
MINDEF/DFA/FY2023/NV/TA/04
Pembelian Tayar (Outer Cover) Bagi Kenderaan Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB)

Yuran Tawaran :
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian



Tawaran Perkhidmatan Bagi Sekolah Ugama
Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Bagi Tempoh Tiga (03) Tahun

No. Tawaran :
KHEU / JPI / KANTIN / 24 / 06

Nama Sekolah Agama :
Sekolah Ugama Beribi, Gadong, Kawasan Brunei III

Bayaran :
BND10.00

- OREOCHROMIS SPECIES”
- 5. UNISSA / SB0080 / 2023 / 2024**
– TO SUPPLY, DELIVER AND INSTALL INCLUDING PLUMBING WORKS OF CENTRAL AERATION & FLOWING CHANNEL AT FACULTY OF AGRICULTURE, UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)
 - 6. UNISSA / SB0081 / 2023 / 2024**
– TO SUPPLY, DELIVER AND INSTALL INCLUDING PLUMBING WORKS OF SAND FILTER FOR WATER TREATMENT WITH BACKWASH FACILITY AT FACULTY OF AGRICULTURE, UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)
 - 7. UNISSA / SB0082 / 2023 / 2024**
– TO SUPPLY, DELIVER AND INSTALL INCLUDING PLUMBING WORKS OF AQUARIUM WITH STAND AT FACULTY OF AGRICULTURE, UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
28 Februari 2024,
Jam 2.00 Petang.



borang tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu **Selasa, 13 Mac 2024**

Tarikh Tutup Tawaran :
12.00 Tengah Hari, Selasa,
19 Mac 2024



(Bayaran Tidak Dikembalikan)

Tarikh Akhir Memuat Naik :
Selasa, 24 Syaaban 1445H /
5 Mac 2024M

Tarikh Akhir Menghantar :
Rabu, 25 Syaaban 1445H /
6 Mac 2024M
sebelum Jam 2.00 Petang.



Jabatan Kehakiman Negara
Jabatan Perdana Menteri

Iklan Sebut Harga :

Bilangan Sebut Harga:
JKN / BPEA / SH / E / 2023 – 2024
(5)

Perkhidmatan Pengangkutan Sampah Di Bangunan Mahkamah–
Mahkamah Daerah Belait,
Bagi Tempoh 36 Bulan

Tarikh Sesi Penerangan (Information Session) :
Sabtu, 24 Februari 2024,
Jam 10.00 Pagi

Tempat Berkumpul
Di Kawasan Lobi
Bangunan Mahkamah-
Mahkamah Daerah Belait

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Selasa,
27 Februari 2024
Sebelum Jam
2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
PPN / ASET / BUUMM /
CONTRACT / 2024 / 1 / 4

Tawaran:
‘Provision Of Security Guard Services For Law And Court Building, Attorney General’s Chambers, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam’

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 20 Februari 2024
Tidak lewat Jam 2.00 Petang



Jabatan Perkhidmatan Awam
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Rujukan Tawaran:
JPA / 1.4 / PSPP / 2024

Tajuk Tawaran :
“Membekal Dan Menjahit Pakaian Seragam Pembantu Pejabat Lelaki dan Perempuan



Jabatan Daerah Temburong

Bilangan Sebut Harga :
JDT / S / 53 / 2023 - 2024

Nama Sebut Harga :
“Sebut harga Bagi Menyediakan, Menyewakan Khemah Serta Pengurusan dan Pengendalian Gerai Ramadan Tahun 2024”

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan TIDAK kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca juga menggunakan Microsoft Word dengan Font ARIAL saiz 12.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh dijangka terbit, kekerapan terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :
iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
+673 8622969

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



Di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan”

Bayaran Tawaran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
27 Februari 2024.



Tarikh Tutup Sebut Harga :
Isnin,
16 Syaaban 1445 bersamaan
26 Februari 2024.

سردار سري

بولن شعبان: فرسديان دامبع رمضان

كفدن ستياف هاري لبيه درفد ۷۰ كالي". {حديث رواية إمام بخاري}

بكيو جوڭ دغن فركارا دعاء. إيغلته، بهاوا دعاء ايت بوليه دلاكوكن تنفا مقيرا تمقت دان ماس. سسوغكوهن دعاء ايت اياهه موهون سسواتو حاجة اتوقون فرليندوغن درفد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دغن جارا مرندوهكن ديري دان تواضع كفدن.

سلاين ايت، بايق لاكي عمل كبايقن يغ بوليه دلقسناكن دبولن شعبان اين سباكي فرسيفن ميمبوت كداتغن رمضان سقرتي ممقربايقن صلوات كاتس جونجوغن بسر كيت نبي محمد ﷺ، برسمبهيغ سنة تراؤما دوقنو مالم، بايق برصدقه دان سأمقشان. رسول الله ﷺ فرنه ددان، مغاف بكندا مليهكن برقواس سنة دبولن شعبان برينديغ بولن-بولن يغ لاي، درفد أسامه بن زيد رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، بلياو بركات: واهي رسول الله، اكو تيدق فرنه مليهت اغكاو برقواس دالم ساتو بولن سباكيما اغكاو برقواس دالم بولن شعبان؟ نبي ﷺ برسيدا: ذَلِكَ شَهْرٌ يَغْفُلُ النَّاسُ عَنْهُ بَيْنَ رَجَبٍ وَرَمَضَانَ وَهُوَ شَهْرٌ تُرْفَعُ فِيهِ الْأَعْمَالُ إِلَىٰ رَبِّ الْعَالَمِينَ فَأَجِبْ أَنْ يُرْفَعَ عَمَلِي وَأَنَا صَائِمٌ.

مقصودن:

"ايت اداله بولن يغ مان مانسي سريغ لالاي اكنن طابت بولن يغ براد دانتارا رجب دان رمضان. بولن ترسبوت اداله بولن-بولن يغ داغكت عمان-عمالن كفد توهن سمستا عالم، مك اكو سوڭ كتيك عمانلكو داغكت دالم كادان اكو سدغ برقواس". {حديث رواية إمام نسائي}

جماعه يغ درحمي الله،

اقيبيل تيبا سهاج بولن شعبان، انتارا فركارا يغ سريغ كالي ترجادي اياهه سستغه ايندييدو يغ ماسيه برهوتغ فواس اكن برككس-ككس اونتوق معقضاء فواس مريك دبولن اين.

اوليه يغ دمكين، سكران كيت ماسيه ممقويي فواس رمضان يغ بلوم لاكي قضاء، مك قضاء له هوتغ-هوتغ فواس ايت سماس كيت ماسيه ممقو، صيحت دان برتناك سيلوم تيبان بولن رمضان.

قرلو داغت، بهاوا قربواتن مليغه-ليغهكن قضاء فواس تنفا كعدورن سهيغك داتغ رمضان يغ برايكونن اداله بردوسا دان دواجبكن كاتسن معقضاء فواس ترسبوت دان مبابر فديه، كجوالي اورغ-اورغ يغ بنر-بنر تيدق برداي معرجاكنن سقرتي اورغ ساكيت يغ تيدق اد هارن اونتوق سميه مك مريك تيدق دواجبكن معقضاء فواس يغ دتيغكلكن ايت، اكن تنافي مريك واجب مبابر فديه سباكي كني فواس يغ دتيغكلكن ايت.

اخرون، ماريله كيت سام-سام سننياس برأوسها ممقريغكنن عمل عبادة دان عمل كبايقن دبولن شعبان يغ مليا اين سمات-مات اونتوق مندافتكن بركت، رحمة دان فقامقونن درفد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى آمين يا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

سسوغكوهن اورغ-اورغ يغ برلمان دان معرجاكن عمانن-عمالن صالح، سسوغكوهن كامي تيدق منسيا-سباكن فهلا سسياف يغ ممقربايكي عمانن. {سورة الكهف آية: ۳۰}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا قَوْمَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِالْجَنَّةِ النَّائِيَةِ.

جماعه يغ درحمي الله،

برتقوي له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دغن منيغكنن كيلمانن كفدن. سسوغكوهن اورغ يغ فالينغ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اياهه اورغ يغ فالينغ برتقوي. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سننياس مغايغي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، براوله كجيان دان كسلامن دنيا دان جوڭ داخيرة.

الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى برقرمان دالم سورة التوبة، آية ۳۶:

سسوغكوهن بيلغن بولن-بولن دسيسي الله اياهه دوا بلس بولن (قمريه) دالم كتاب (كتفن) الله كتيك دي منجفتاكن لاغيت دان بومي، انتاران امقت بولن يغ درحمي. يغ دمكين ايتله (كتفن) اكام يغ لوروس. مك جاغلته كامو مغاينا دي دي دالم بولن-بولن يغ درحمي ايت (دغن ملغكر لارغن).

جماعه يغ درحمي الله،

شعبان اداله بولن كلافن دالم تقويم هجرة. شعبان اربتن برقجه بله دان بولن اين دنامكن سديمكين كران سوڭو-سوڭو عرب برقجه-قجه فركي منجاري اير. دالم بولن اين جوڭ تله ترجادي فرستيا فتنينغ دالم سجاره اسلام دمان قرالينن قبله دري مسجد الأقصى ك كعبه دمسجد الحرام برلاكو. دان سحق فرستيا ايت، سمبهيغ دتونينن دغن معهادف كعبه سباكي قبله.

شعبان مروفاكن ساله ساتو بولن يغ ممقويي كاستيميان سندريري دالم اسلام. كادان اين سامله جوڭ دغن بولن رجب دان رمضان يغ ممقويي فضيلة ترسندريري، سهيغك ميبكن كحاضرنن سننياس دتوغكو-توغكو. درفد عائشه رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، كاتن: كَانَ أَحَبُّ الشُّهُورِ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَصُومَهُ شَعْبَانَ، ثُمَّ يَصِلَهُ بِرَمَضَانَ.

مقصودن:

بولن يغ فالينغ دجيتاي اوليه رسول الله ﷺ دمان بكندا اكن برقواس ددالمن اداله بولن شعبان، كمودين منروسكنن دالم بولن رمضان. {حديث رواية إمام أبو داود}

دسبين كادان ايت تيدق حيرانله ساندانن رامي اومت اسلام يغ سيلومن سوسه اونتوق برقواس سنة، كمالي معرجاكن عبادة ترسبوت فد بولن شعبان.

جماعه يغ درحمي الله،

سلاين دري ممقربايق فواس سنة، انتارا عمانن-عمالن لاي يغ دكالقكن اونتوق كيت ملاكوكن دالم بولن شعبان اين اياهه:

قرتام: برتوبة دان براسغفار.

سسوغكوهن قرينته توبه دان اسغفار ايت بوكان هان باكي اورغ يغ بروات معصية دان بروات دوسا، ماله كيت سموا اداله دتوننوت اونتوق سننياس برتوبة دان براسغفار.

كدوا: ممقربايق ذكر دان دعاء.

ذكر اداله اوجافن يغ دلاكوكن دغن ليده اتوقون مغايغي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دغن هاتي، اوجافن دان ايغن. ذكر اتو برذكر ايت اداله قرينته الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى كفد همبا-همبان. درفد أبو هريرة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، بهاوا دي مندر رسول الله ﷺ برسيدا: وَاللَّهِ إِنِّي لَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ فِي الْيَوْمِ أَكْثَرَ مِنْ سَبْعِينَ مَرَّةً.

مقصودن:

"دمي الله، سسوغكوهن اكو براسغفار كفد الله دان موهون امقون

HARI TERBUKA KUPU SB PELUANG DAPATKAN MAKLUMAT PROGRAM DITAWARKAN

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Februari. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menawarkan pelbagai bidang program akademik termasuk peringkat program Ijazah Doktor Falsafah, program Sarjana, program Diploma Perguruan Ugama Lulusan Ijazah, program Sarjana Muda, program Diploma Tertinggi dan program Diploma pengajian bidang pengkhususan yang diselenggarakan oleh empat fakulti utama, iaitu Fakulti Usuluddin; Fakulti Syariah; Fakulti Pendidikan; dan Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan.

Sehubungan dengan itu, pagi tadi KUPU SB melalui Bahagian Hal Ehwal Akademik, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Pusat Ilmu Teras

menganjurkan Hari Terbuka Studi di KUPU SB 2024 yang bermula hari ini, bertempat di kawasan kampus, kolej universiti berkenaan.

Antara objektif Hari Terbuka berkenaan adalah untuk memberi pendedahan kepada orang ramai secara umumnya mengenai KUPU SB sebagai sebuah kolej universiti yang berfokuskan kepada bidang perguruan ugama di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, ia diharapkan untuk memberi peluang kepada para pelajar secara khususnya untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai program-program akademik yang ditawarkan di KUPU SB.

Tambahan lagi, ia juga merupakan wadah bagi para mahasiswa

RA'ES KUPU SB semasa hadir pada Hari Terbuka Studi di KUPU SB (kiri), manakala gambar kanan, antara objektif Hari Terbuka berkenaan adalah untuk memberi pendedahan kepada orang ramai secara umumnya mengenai KUPU SB sebagai sebuah kolej universiti yang berfokuskan kepada bidang perguruan ugama di Negara Brunei Darussalam.

dan mahasiswi KUPU SB untuk mempamerkan kegiatan-kegiatan kokurikulum dan keusahawanan yang dilaksanakan di kolej universiti berkenaan.

Antara pengisian dalam Hari Terbuka berkenaan termasuk pameran dan sesi konsultasi mengenai program dan kursus akademik melalui petak-petak maklumat fakulti dan pusat bertempat di Dewan Tarbiah, KUPU SB.

Selain itu, pameran-pameran kokurikulum termasuk pasukan-pasukan beruniform seperti kadet tentera, polis, bomba, pengakap, pandu puteri dan bulan sabit merah yang disertai mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB.

Pameran nadi-nadi KUPU SB seperti nadi memasak, nadi *lakastah* ber-MIB, nadi 'Oh My English', nadi Mahabbah Rasulullah, nadi pertanian, nadi rawatan Islam dan lain-lain juga mengambil tempat di Dewan Ta'dib.

Juga diadakan ialah bazar jualan



oleh mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB serta orang-orang persendirian.

Hari Terbuka Studi di KUPU SB dimulakan dengan Majlis Perasmian oleh Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar.

Hadir sama ialah para pegawai utama, pensyarah dan pegawai serta kakitangan KUPU SB.

Penawaran program akademik di kolej universiti berkenaan juga turut disokong oleh enam pusat termasuk Pusat Bahasa, Pusat Ilmu Teras, Pusat Pengajian Lepas Ijazah dan Penyelidikan, Pusat Kajian Fiqh Al-Ushrah, Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath serta Pusat Pengajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah.

Selain itu, antara tawaran

program akademik lainnya ialah penawaran kursus-kursus minor dan program berkembar bagi mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB dalam program Sarjana Muda.

Pendaftaran bagi kemasukan ke KUPU SB Sesi 2024/2025 akan dibukakan, bermula pada 19 Februari hingga 16 Mac 2024 melalui pautan pendaftaran yang boleh diperoleh di laman sesawang KUPU SB.

Bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai program dan aktiviti KUPU SB boleh diperoleh melalui laman sesawang rasmi KUPU SB di www.kupu-sb.edu.bn, Instagram rasmi KUPU SB, @official_kupusb dan Facebook KUPU SB.

Tanam semangat patriotik, cinta pada tanah air

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Februari. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) pagi tadi mengadakan Upacara Menaikkan Bendera Kebangsaan sempena Sambutan

Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40 yang berlangsung di hadapan bangunan pentadbiran kolej universiti berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar.

Turut hadir ialah para pegawai utama, para pegawai dan kakitangan, para pensyarah serta mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Asmaul Husna dan Surah Al-Fatihah oleh Ahli Jawatankuasa (AJK) Exco Kesihatan dan Keselamatan Sesi 2023/2024, Awang Mohd. Ahmad Ariffin bin Awang Noorfian.

Diikuti dengan penyerahan bendera NBD oleh Ra'es KUPU SB kepada Staf Sarjan Kadet Tentera KUPU SB, Awang Amir Hamzah bin Zulkifli, selaku Ketua Kawalan Perbarisan.

Kemudian diteruskan dengan upacara menaikkan bendera dengan iringan nyanyian lagu kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan laungan 'Allahu Akhbar'

sebanyak tiga kali yang diketuai oleh tetamu kehormat majlis.

Acara juga turut diserikan dengan upacara perbarisan lalu yang terdiri daripada pembawa bendera, Majlis Perwakilan Pelajar, pasukan beruniform termasuk pasukan kadet tentera, pasukan kadet polis, pasukan kadet bomba, pasukan pengakap, pasukan bulan sabit merah, pandu puteri dan mahasiswa serta mahasiswi Tahun 1, KUPU SB.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan.

Upacara menaikkan bendera yang diadakan antara lain bertujuan untuk menyemarakkan lagi Sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-40, dengan menanamkan



semangat patriotik dan rasa cinta terhadap tanah air serta mengukuhkan falsafah Melayu Islam Beraja dalam kalangan para pelajar dan seluruh warga KUPU SB.



UPACARA Menaikkan Bendera Kebangsaan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 yang berlangsung di hadapan bangunan pentadbiran kolej universiti berkenaan (atas kiri, kiri dan kanan). Manakala gambar atas kanan, Ra'es KUPU SB semasa berucap.



IMBASAN MINGGUAN

ANTARA pelajar yang hadir pada Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera kepada pelajar-pelajar sekolah rendah, pusat tingkatan enam, sekolah Arab dan institusi pengajian tinggi bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 bagi Daerah Temburong yang berlangsung di Sekolah Rendah Rataie.

- Foto : Alishahrin Haji Mumin.



PASUKAN-pasukan Beruniform Sekolah Menengah di Daerah Tutong turut serta dalam Upacara Menaikkan Bendera Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-40 Tahun 2024 bagi Daerah Tutong bertempat di kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

SEORANG peserta memperdengarkan hafazan pada Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1445 Hijrah yang berlangsung di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.



MELAKUKAN aktiviti fizikal menjadikan badan kita lebih sihat di samping membantu mendapat mood yang lebih baik, cergas, bertenaga. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



SEBAHAGIAN peserta ketika mengayuh basikal sempena Acara Ekspedisi Santai Berbasikal 2024 di bawah Program Happy Environment and Lifestyle (HEAL) anjuran Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Pusat Perubatan Gleneagles Jerudong Park (GJPMC) Sdn. Bhd. dan Majlis Perundingan Kampung (MPK), Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor selaku duta kegiatan fizikal. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

UNISSA ADAKAN SAMBUTAN ISRAK, MIKRAJ



REKTOR UNISSA hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1445H / 2024M yang diadakan di Dewan Auditorium, UNISSA (atas kanan), manakala gambar atas, sekitar Forum Khas berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Unit Keagamaan dan Takmir Surau, Pejabat Hal Ehwal Pelajar mengadakan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1445H / 2024M yang diadakan di Dewan Auditorium, UNISSA, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal. Turut hadir ialah penolong-penolong rektor, pegawai-pegawai utama, tenaga akademik, pegawai

dan kakitangan serta mahasiswa dan mahasiswi universiti berkenaan. Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Exco Unit Keagamaan dan Takmir Surau, Majlis Perwakilan Pelajar, UNISSA, Awang Md. Dzulkhairi bin Haji Ibrahim.

Sambutan tersebut kemudian disemarakkan dengan sebuah Forum Khas yang bertemakan 'Sembahyang Tiang Ugama'. Forum disampaikan oleh dua orang ahli panel iaitu pelajar Tahun 3,

Awang Auza'ie Rusydi bin Suhaili daripada Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam dan pelajar Tahun 2, Awang Muhammad Amin Rifaie bin Mohd. Suhaimin daripada Fakulti Teknologi Islam.

Manakala pelajar Tahun 2, Awang Abdul Matin bin Amran daripada Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam pula selaku moderator pada forum berkenaan.

Antara inti pati yang dapat diambil daripada forum berkenaan adalah bahawa sembahyang merupakan tiang ugama dan anugerah Allah



Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Subhanahu Wata'ala dalam kefarduan sembahyang itu mempunyai rahsia yang signifikan dengan kehidupan manusia itu sendiri.

Sembahyang itu mampu mempengaruhi keperibadian seseorang dan umat masyarakat dalam mencorak kehidupan yang baik dan sempurna. Sifat ikhlas dan istiqamah perlu ada dalam melaksanakan tuntutan sembahyang agar ibadah menjadi

pengukuh kepada ibadah-ibadah yang lain dalam membentuk generasi yang bertakwa.

Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk menyemarakkan Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat UNISSA dan sekali gus untuk meningkatkan kefahaman serta pengetahuan tentang isi forum yang disampaikan. Penyampaian siji dan cenderahati kepada penyampai forum disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Sebuah keluarga bangsa Filipina terima hidayah Islam

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiah



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pengislaman bagi sebuah keluarga berbangsa Filipina.

PULAIE, Sabtu, 17 Februari. - Sebuah keluarga berbangsa Filipina menemui sinar baharu dengan memeluk agama Islam dan melafazkan ikrar pengislaman serta dua kalimah syahadah mereka pada petang tadi.

Majlis diadakan di Bilik Al-Muhtadiin, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kampung Pulaie.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Timbalan

Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Turut hadir, Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman; Pemangku Penolong Pengarah PDI, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong; dan Pemangku Penghulu Mukim Berakas 'A', Awang Omar bin Haji Abdullah,

yang juga Ketua Kampung Pancha Delima dan Orang Kaya Besar Imas.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah.

Diikuti dengan lafaz ikrar pengislaman serta dua kalimah syahadah didahului oleh Joemar Aurellano Esplana, 39 tahun yang memilih nama Islamnya sebagai Omar Esplana bin Abdullah.

Ini diikuti oleh James Garet Magbanua Esplana, 13 tahun yang memilih nama Islamnya sebagai Zaid bin Omar Esplana.

Seterusnya, Ion Dreak Magbanua Esplana, 10 tahun yang memilih nama Islamnya sebagai Zayyan bin Omar Esplana dan kemudiannya Astrud Paul Magbanua Esplana, 42 tahun, kini dikenali dengan nama Islamnya sebagai Zainab Paul binti Abdullah.

Majlis disempurnakan di hadapan para pegawai dari

Bahagian Pengembangan Da'wah, PDI.

Majlis diteruskan lagi dengan penyampaian cenderamata kepada saudara baharu yang diraikan dan diselajurkan dengan Dikir Marhaban.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Sejak awal Januari hingga 16 Februari 2024, seramai 43 orang telah memeluk agama Islam di Negara Brunei Darussalam.

KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Pengenalan:

Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:

Tekanan darah tinggi

Kolesterol tinggi

Kencing manis

Kanser

Terdapat 4 program pemeriksaan kesihatan yang diberikan iaitu:

Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular

Terbuka kepada:

Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:

1. Berumur 40 tahun dan ke atas; dan
2. Tidak mempunyai perjanjian berterusan di pusat kesihatan atau klinik pakar di hospital bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan strok.

Pemeriksaan kanser kolorektal

Terbuka kepada:

Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:

1. Berumur 50 tahun dan ke atas; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser kolorektal (usus); dan
3. Tidak menjalani ujian najis untuk mengesan darah dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan
4. Tidak menjalani ujian kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.

Pemeriksaan kanser payudara

Terbuka kepada:

Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:

1. Berumur 40-45 tahun; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser payudara; dan
3. Tidak menjalani pemeriksaan mamogram dalam 3 tahun kebelakangan.

Pemeriksaan kanser serviks

Terbuka kepada:

Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:

1. Berumur 25-45 tahun; dan
2. Pernah melakukan hubungan seksual; dan
3. Tidak pernah menghidap kanser serviks; dan
4. Tidak menjalani Ujian Pap (Pap Test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

#SihatHasratKu

www.ppk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123

PELUANG INFAK JARIAH KEPADA ASNAF MUALAF



Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BERAKAS, Sabtu, 17 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dengan kerjasama Persatuan Saudara-saudara Baru Negara Brunei Darussalam menganjurkan Projek Fathul Barakah 5.0 bersempena dengan menyambut kedatangan bulan Ramadan 1445 Hijrah.

Projek berkenaan bertujuan untuk memberi peluang kepada orang

ramai memberikan infak jariah berupa makanan asasi kepada asnaf muallaf yang memerlukan.

Turut hadir menyertai projek berkenaan, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Projek Fathul Barakah 5.0 diadakan secara serentak di keempat-empat daerah, iaitu Bangunan Darul Huda PDI; Pejabat

PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU hadir menyertai Projek Fathul Barakah 5.0 bersempena dengan menyambut kedatangan bulan Ramadan 1445 Hijrah.

Unit Da'wah Daerah Belait; Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong; dan Pejabat Unit Da'wah Daerah Temburong.

Projek berkenaan berjalan selama dua hari bermula hari ini hingga Ahad, 18 Februari 2024, mulai jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang secara pandu lalu.

Projek berkenaan adalah sebagai satu sarana dakwah dalam memeduli kesejahteraan asnaf muallaf bagi menjamin kehidupan yang lebih baik.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk meringankan beban saudara-saudara baharu dalam membuat persiapan bagi menyambut kedatangan bulan Ramadan yang akan tiba.

Antara sumbangan yang diterima termasuk beras, gula, minyak masak, tepung, udang atau pusu kering, bawang, biskut, makanan dalam tin dan barang keperluan asasi yang bersesuaian.

CHSK adakan Sambutan Tahun Baharu Cina

PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat pada Sambutan Tahun Baharu Cina yang berlangsung di Chung Hwa School Kiudang.

TUTONG, Sabtu, 17 Februari. - Chung Hwa School Kiudang (CHSK) pagi tadi mengadakan Sambutan Tahun Baharu Cina yang berlangsung di sekolah berkenaan, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Atur cara majlis berkenaan dimulakan dengan Persembahan Tarian Naga daripada pelajar CHSK dan diikuti dengan Persembahan Tarian Xin Nia Hao yang dipersembahkan oleh pelajar KG2 dan KG3.

Selapas itu Persembahan Puisi 'Long Long De Xi Nian' yang disampaikan oleh pelajar Tahun 4 dan 5. Majlis seterusnya diteruskan dengan Persembahan Tarian Gong Xi Ging Xi daripada pelajar Tahun 1



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Jabatan Daerah Tutong

dan disusuli dengan Persembahan Nyanyian Mei Hao Xin Nian daripada pelajar Tahun 2 dan 3.

Sebelum sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat, Persembahan Tarian Singa yang menarik dan bertenaga

dipersembahkan kepada para hadirin. Acara antara lain diadakan untuk memeriahkan lagi Sambutan Tahun Baharu Cina, selain untuk memperkenalkan budaya tarian singa kepada masyarakat setempat. Juga hadir, para ibu bapa dan penjaga pelajar, guru-guru, lembaga-lembaga pengelola sekolah dan para jemputan.



ANTARA persembahan pada Sambutan Tahun Baharu Cina.



Pengemaskinian Alert List BDCB

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Februari. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai pengemaskinian Alert List BDCB.

Alert List BDCB merupakan senarai entiti-entiti, iaitu syarikat; dan individu yang berdasarkan maklumat yang tersedia kepada BDCB pada masa penerbitan, mungkin atau berkemungkinan telah disalah anggap sebagai dilesenkan atau diberi kebenaran/kelulusan atau dikawal selia oleh BDCB.

Senarai berkenaan adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh BDCB terhadap aktiviti-aktiviti entiti berkenaan.

BDCB juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa syarikat atau individu yang dimasukkan ke dalam Alert List BDCB bagi Februari 2024 ialah Uzi Marketing Distribution Network / Uzigid Marketing Distribution Network Brunei Darussalam (FB Profile) / Uzigidbrunei_official (IG Profile) / (+673 8277799).

Alert List BDCB yang dikemaskinikan boleh didapati di laman sesawang BDCB.

BDCB ingin menasihatkan kepada orang ramai supaya hanya berurusan dengan institusi-institusi kewangan yang berlesen dan seterusnya, untuk berwaspada terhadap syarikat atau individu tidak berlesen yang menjalankan atau menawarkan perkhidmatan kewangan, terutamanya yang berunsurkan skim cepat kaya dan skim piramid.

Antara perkhidmatan-perkhidmatan kewangan di bawah bidang kuasa BDCB adalah penukaran wang, pengirisan wang dan pinjaman wang.

Orang ramai juga diingatkan bahawa perlindungan di bawah rangka kerja penyeliaan BDCB tidak dapat diberikan kepada sesiapa yang memilih untuk berurusan dengan syarikat atau individu yang tidak dilesen atau dikawal selia.

Orang ramai juga boleh melayari laman sesawang BDCB di www.bdc.gov.bn atau Instagram BDCB @centralbank.brunei untuk maklumat lanjut mengenai bahaya entiti kewangan tidak berlesen serta cara-cara mengenal pasti penipuan kewangan.

BDCB akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di NBD.

BDCB juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di NBD.

Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti yang tidak berlesen, sila hubungi BDCB melalui talian +673 2380007 atau +673 8380007 atau e-mel melalui fci@bdc.gov.bn.



Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Ihsan @Feedandsip.BN



Variasi minuman sumber rezeki

PERNIAGAAN minuman adalah salah satu idea perniagaan yang tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat. Apabila teknologi berkembang dan penggunaan media sosial meningkat, perniagaan minuman juga berinovasi dan pelbagai jenis minuman ditawarkan untuk menepati cita rasa pelanggan dan mengikuti trend semasa. Menu minuman yang bervariasi sesuai untuk dihidang di dalam acara-acara keramaian.

Mula daripada minat

Menemui seorang peniaga minuman yang menjadikan perniagaan ini sebagai salah satu sumber pendapatan dan rezeki beliau, Dayangku Nurazierah binti Pengiran Haji Sahdan, 28, telah mula menceburi bidang perniagaan minuman sejak beliau menamatkan pengajian Sarjana Muda di Universiti Brunei Darussalam. Menurut beliau, berpendidikan tinggi bukan alasan untuk tidak menceburi bidang lain. Pada awalnya ia hanyalah hobi semata-mata dan berdasarkan minat dalam pembuatan minuman untuk diri sendiri dan acara keluarga. Dengan sokongan keluarga dan permintaan yang semakin bertambah, beliau membuat keputusan untuk menceburi bidang perniagaan dengan lebih mendalam sekitar tahun 2019 ketika pandemik COVID-19 di mana peluang pekerjaan amatlah tipis dan ramai yang kehilangan pekerjaan ketika itu.

Menurut beliau, bidang dalam masakan dan minuman adalah salah satu hobi yang seronok dan produktif untuk dipraktikkan ketika masa lapang. Ianya juga adalah salah satu usaha

beliau untuk menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk tidak bergantung kepada pasaran pekerjaan sahaja. Dengan bantuan dan tunjuk ajar ibu bapa dan adik-beradik serta rujukan platform sosial media seperti YouTube, beliau membuat beberapa uji kaji dengan bermain terhadap menu-menu yang sedia ada. Kemudian, melancarkan beberapa menu yang menarik dan jarang ada di pasaran dengan harga yang rendah.

Keistimewaan minuman balang

Dayangku Nurazierah memilih untuk menjual minuman bervariasi dari segi menu kerana menurut beliau setiap orang mempunyai cita rasa yang berbeza. Kepelbagaian dari segi menu, saiz dan harga adalah salah satu faktor tarikan. Pemilihan saiz adalah mengikut kesukaan pelanggan. Minuman dijual dengan menggunakan cawan atau balang. Setiap pemesanan balang akan diberikan set cawan untuk melengkapkan pesanan. Beliau juga akan menyediakan sudu secara percuma bagi set balang bersaiz sederhana. Manakala bagi set balang besar, jika membeli dua balang akan diberikan set cawan dengan penghantaran dan pengambilan percuma.

Salah satu menu kegemaran ramai ialah minuman balang bersaiz sederhana dan

besar. Ianya dipesan berulang kali oleh penggemar Feedandsip.BN kerana kuantiti dan kualiti yang ada pada produk tersebut. Antara minuman yang ditawarkan adalah cincau susu selasih, tembikai laici, *mojito* dan cendol. Yang menjadi pilihan ramai dan kegemaran anak muda ialah *peach tea* dan jagung manis. Minuman-minuman ini bukan sahaja dijual di Daerah Brunei dan Muara malahan penduduk Kuala Belait dan Temburong juga ada yang memesan dan sanggup membeli lebih-lebih lagi ketika bulan Ramadan.

Selain dari minuman balang, beliau telah mengorak langkah dengan menerima tempahan masakan, pencuci mulut seperti puding keju, *brownies* dan juga popia telur masin yang beku dan goreng. Pelanggan dinasihatkan supaya membuat pesanan tiga ke lima hari sebelum acara bagi mengelakkan kekecewaan kerana slot selalu penuh terutama sekali hujung minggu, bulan puasa, hari raya dan hari-hari kelepasan awam.

Cabaran, solusi

Walau bagaimanapun, tiada perniagaan yang tiada cabaran. Beliau juga pernah melalui beberapa kesukaran terutama sekali sekiranya ada keterbatasan dalam mencari bahan-bahan mentah. Ketahanan produk juga menjadi salah satu cabaran di mana solusinya adalah beliau hanya akan menyediakan minuman 15 minit sebelum pelanggan mengambil minuman bagi mengekalkan kesegaran minuman. Beliau

juga pernah berdepan dengan pelanggan yang tidak mengambil pesanan apabila sudah dibuat dan menyebabkan kerugian bagi peniaga kecil seperti beliau. Selain dari itu, persaingan dengan kedai-kedai secara fizikal juga menjadi cabaran kepada beliau akan tetapi beliau percaya akan rezeki dan pelanggan akan tetap membeli dan menyokong jualan minuman beliau.

Saranan kepada belia

Beliau menasihatkan para belia untuk tidak takut terjun ke bidang perniagaan. Jadikanlah pendidikan yang digarap sebagai asas kepada sesuatu perjalanan yang baharu. Belia juga dinasihatkan untuk selalu mencuba dan bangun jika gagal.

"Jangan jadikan pendidikan tinggi sebagai alasan untuk tidak berusaha dan jangan berfikir bahawa ilmu tidak penting untuk berjaya, kerana ilmu, pendidikan dan kejayaan selaras dengan usaha adalah kunci untuk menjadi orang yang berjaya," ujar Dayangku Nurazierah.

Beliau juga bersyukur kerana sepanjang menceburi bidang perniagaan ini, beliau banyak menerima komen positif daripada para pelanggan, malah ada juga dari mereka yang memesan ulang dan menjadikannya sebagai hidangan bagi acara keramaian seperti doa selamat, hari jadi dan sebagainya. Sebarang tempahan dan keterangan lanjut, bolehlah menghubungi beliau menerusi talian +673-8918482 serta Instagram di @Feedandsip.BN.

PELITA BRUNEI, Rabu 19 Februari, 1964.

MUKA 3

WAKIL2 BRUNEI MENGHADHIRI MUKTAMAR ISLAM SA-DUNIA



Wakil2 Brunei kelihatan dalam gambar ini pada masa menghadiri Mukhtar Islam Sa-Dunia di-Kuala Lumpur baharu2 ini. Di-tengah ia-lah Mufti Brunei, Tuan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz dan di-kanan sekali ia-lah Timbalan Kadhi Besar Brunei, Awang Mohamed Zain bin Haji Seruddin. Di-kiri sekali ia-lah sa-orang wakil dari Burma, Inche Mohamed Ariff Nakhoda. Gambar dengan ehsan Jabatan Penerangan Kerajaan Malaysia.

BERAKAS. — Perwakilan Negeri Brunei ka-Muktamar Islam Sa-Dunia, bagi kawasan Asia Tenggara telah kembali ka-negeri ini pada tengah hari 9 Februari dengan kapal terbang dari Kuala Lumpur.

Beliau2 ia-lah Mufti Brunei, Tuan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz dan Timbalan Kadhi Besar Brunei, Awang Mohamed Zain bin Haji Seruddin.

Seramai 60 orang wakil2 dari 16 buah negara, telah menghadiri Mukhtar tersebut yang telah di-langsungkan di-Dewan Tengku Abdul Rahman, Kuala Lumpur dari 31 Januari hingga 5 Februari.

Ini-lah kali yang ke-dua Negeri Brunei menghantarkan wakil2 untuk menghadiri Mukhtar Islam Sa-Dunia.

Pada tahun yang lalu Mufti Brunei, Tuan Haji Ismail bin

Derma Dan Jamuan Hari Raya

BANDAR BRUNEI. — Kira2 300 orang anak2 yatim di-kawasan kampung Ayer dan di-kampung2 kawasan bandaran telah menerima derma wang untuk menyambut ketibaan Hari Raya tahun ini.

Derma wang yang sa-banyak \$5 tiap2 sa-orang itu, telah di-bahagikan kepada anak2 yatim yang berdaftar dari kampung2 yang berkenaan.

Usaha menderma kepada anak2 yatim, orang2 sakit dan banduan2 itu telah di-jalankan oleh sa-buah jawatankuasa yang di-bentuk dan telah bergerak sejak 8 tahun yang lalu.

Derma2 untuk orang2 sakit di-Rumah Sakit Bandar Brunei dan banduan2 di Penjara Jerudong ada-lah berupa kueh muel, buah2an, manisan2 dan lain2-nya.

Omar Abdul Aziz dan bekas Kadhi Tutong, Inche Ishak bin Adam yang pada masa ini menjadi Kadhi Temburong telah menghadiri Mukhtar Islam Sa-Dunia di-Baghdad.

Pegawai Daerah Tutong Merasmikan Pembukaan Dewan P.M.K.T.

KAMPONG KERIAM. — Pegawai Daerah Tutong, Inche Abdul Ghani bin Hassan telah merasmikan pembukaan Dewan Persatuan Melayu Keriam, Tutong dalam satu upacara yang bersejarah di-kalangan penduduk2 di-Kampung Keriam pada pagi hari Ahad 16 Februari, 1964.

Dewan tersebut telah di-bena dari derma bakti dan sumbangan tenaga oleh ahli2 Persatuan Melayu Keriam serta penduduk2 Kampung Keriam.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-majlis tersebut oleh Inche Abdul Ghani bin Hassan; Pengurus Majlis Pembukaan Dewan P.M.K.T., Inche Junaidi bin Mohamed Said; Yang Dipertua P.M.K.T., Inche Mohamed Noor bin Awang Besar; Setia Usaha Agong P.M.K.T., Inche Simpul bin Abdul Latiff; Yang Dipertua Majlis Pemuda Pemuda Negeri Brunei, Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Haji Rajid; Yang Berhormat Inche Abdul Manan bin Mohamed; Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Umar; Yang Mulia Penyurat Haji Abu Bakar; Penasehat Tetap P.M.K.T., Inche Mohamed Yusof bin Ahmad; Setia Usaha Pembukaan Rasmi Dewan P.M.K.T., Inche Junaidi bin O.K.S.N. Mohd Safar dan lain2-nya.

Kemudian satu upacara menyampaikan chenderamata2 telah di-adakan di-majlis tersebut.

Yang Mulia Orang Kaya Setia Negara Mohamed Safar bin Mohamed Saleh telah menyampaikan chenderamata itu kepada Pegawai Daerah Tutong, Inche Abdul Ghani bin Hassan.

Radio Brunei Akan Menikmati Penerimaan Lebih Baik Lagi

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Brunei Yang Berhormat Inche Mohamed Salleh bin Abdul Kadir telah memberi jaminan bahawa para pendengar Radio Brunei akan dapat menikmati penerimaan yang lebih baik lagi apabila alat pemancar yang baharu dan lebih kuat letak-nya tidak jauh dari Bandar Brunei akan memulakan siaran-nya ka-udara tidak berapa lama lagi.

Beliau telah mengulas sa-puchok surat yang di-siarkan dalam akhbar "Borneo Bulletin" keluaran 11 Januari, 1964 bahawa para pendengar ranchangan Inggeris telah mengalami gangguan dalam penerimaan mereka.

Gelombang 242 meter dari mana ranchangan Inggeris itu di-pancharkan, tegas beliau, telah di-gunakan terus menerus sejak tahun 1958 dan telah di-pancharkan dari Pemancaran Besar di-Pekan Tutong.

Pancharan tersebut boleh-lah kedengaran di-seluruh Negeri Brunei, Labuan dan juga di-beberapa kawasan di-Sarawak dan Sabah.

Yang Berhormat Inche Salleh Kadir menerangkan lagi bahawa sejak 1 Januari tahun ini, masa ranchangan Bahagian Melayu juga telah di-lanjutkan hingga ka-pukul 10.30 malam, ia-itu ta-

mat serentak dengan siaran bahagian Inggeris.

Oleh sebab tidak mungkin bagi kedua2 ranchangan tersebut di-pancharkan ka-udara melalui gelombang yang sama, maka ranchangan bahagian Inggeris di-pancharkan secara bersendirian di-gelombang meter yang lain.

Mengenai gangguan penerimaan pula, kata beliau, bukanlah terbit dari Studio Radio Brunei, akan tetapi dari lain2 stesen2 yang menggunakan gelombang yang sama.

Penggunaan gelombang itu ada-lah di-kawal oleh Lembaga Peruntukan Gelombang Antara Bangsa.

Gangguan yang serupa itu juga ada-lah di-alami oleh para pendengar di-seluruh dunia ini dan ini ada-lah bergantung ka-pada kekuatan pusat2 pemancaran siaran radio.

chaan Do'a Selamat oleh Chegu Abdullah Haji Ridin sa-lepas di-adakan "Jamuan Makan Hari Raya."

Kemudian Pegawai Daerah Tutong, Inche Abdul Ghani telah menanam sa-buah pohon kelapa di-kawasan Dewan Persatuan Melayu Keriam sa-bagai tanda kenangan pembukaan rasmi Dewan P.M.K.T., pada hari Ahad yang lalu.

Majlis Hari Raya Dan "Kong Hee Fatt Choi"

BANDAR BRUNEI. — Ahli2 Persatuan Belia Bandar Brunei akan mengadakan satu majlis sambutan Hari Raya Puasa dan "Kong Hee Fatt Choi" bertempat di-Sport Klab, di-sini pada 21 Februari mulai pukul 8 malam.

Majlis itu akan mengandungi tarian2 dan di-ikuti dengan jamuan makan kecil.

Tetamu2 khas juga akan menyertai majlis tersebut.

PARAJURIT2 BERCHUTI DI-TANAH AYER

BANDAR BRUNEI. — Seramai 46 orang anggota2 Askar Melayu Brunei telah kembali ka-Brunei dengan kapal laut dari Negeri Sembilan pada tengah hari 12 Februari untuk berchuti di-Tanah Ayer.

Pegawai Perhubungan Askar Melayu Brunei, Major K. Riley telah menyambut parajurit2 ter-

sebut di-Labuan ketika mereka tiba dari Singapura dengan kapal Kimanis.

Major Riley telah tiba di-Brunei bersama2 dengan parajurit2 tersebut.

Anggota2 Askar Melayu tersebut di-jadualkan balek ka-Negeri Sembilan pada awal bulan Mach.

PRESIDEN MESIR TOLAK PENEMPATAN PENDUDUK PALESTIN KE MESIR



KAHERAH, 18 Feb. - Presiden Mesir Abdel Fattah el-Sisi pada Sabtu dengan tegas menolak sebarang penempatan warga Palestin ke negara itu, satu pendirian yang disokong oleh masyarakat antarabangsa, menurut kenyataan oleh pejabat presiden Mesir.

Agensi Anadolu melaporkan bahawa el-Sisi menerima panggilan telefon daripada Presiden Perancis Emmanuel Macron.

Menurut kenyataan pejabat presiden, el-Sisi menerima gesaan untuk membincangkan usaha berterusan yang bertujuan mencapai gencatan senjata di Semenanjung Gaza, 'bertukar tawanan' dan menyampaikan bantuan kemanusiaan.

Kedua-dua pemimpin itu mengkaji perkembangan semasa dan menekankan keperluan bagi pihak yang berkaitan untuk bekerjasama

dalam memastikan kemajuan yang akan menghentikan pertumpahan darah dan mengurangkan penderitaan manusia di Semenanjung Gaza.

Kedua-dua pihak menekankan kepentingan untuk meneruskan penyelesaian dua negara dan mewujudkan Negara Palestin

merdeka sebagai satu-satunya cara untuk merealisasikan keselamatan sebenar dan kestabilan yang berterusan di rantau ini.

El-Sisi dan Macron juga menegaskan bahaya peningkatan aktiviti ketenteraan di Rafah dengan mengingatkan kesan kemanusiaan yang teruk terhadap hampir 1.5 juta

penduduk Palestin di kawasan itu. Mereka juga mengingatkan akan bahaya meluasnya konflik itu pada peringkat serantau dan keperluan untuk menyegerakan usaha gencatan senjata dan kesejahteraan serantau. - ©BERNAMA

Sekurang-kurangnya 3 maut dalam serangan peluru berpandu Rusia di Ukraine

KYIV, 18 Feb. - Sekurang-kurangnya tiga orang terbunuh dalam serangan dron dan peluru berpandu Rusia di timur Ukraine, menurut pemimpin tempatan pada Ahad, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Gabenor tentera wilayah Donetsk, Vadym Filashkin berkata dua mayat ditemukan di bawah runtuhan sebuah bangunan kediaman di bandar Kramatorsk yang terkena serangan peluru berpandu.

Selain itu, ketua pentadbiran tentera di wilayah Kharkiv, Oleh Syniehubov melaporkan seorang terbunuh dan lima lagi cedera dalam serangan ke atas bangunan kediaman dua tingkat di bandar Kupiansk.

Menurut Tentera Udara Ukraine, Rusia menyerang negara jirannya semalaman dengan enam peluru berpandu anti-pesawat S-300 dan tiga peluru berpandu jelajah Ch-22 serta peluru berpandu udara-ke permukaan Ch-59.

Selain itu katanya, tentera Rusia melancarkan 14 dron tempur Shahed, dengan 12 daripadanya berjaya dimusnahkan sebelum sampai ke sasaran. - ©BERNAMA

Tentera Ukraine berundur dari Avdiivka - Ketua Komander Syrskyi

KYIV, 17 Feb. - Tentera Ukraine dilapor berundur dari bandar Avdiivka ekoran peperangan yang telah berlanjutan selama berbulan-bulan, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

"Berdasarkan situasi semasa di sekitar Avdiivka untuk mengelakkan pengepungan dan menjamin keselamatan serta nyawa anggota tentera kami, saya memutuskan untuk menarik balik unit kami dari bandar ini dan sebaliknya mengukuhkan pertahanan di kawasan lain," menurut hantaran ketua komander Ukraine yang baharu Oleksander Syrskyi di Facebook dan di platform X, pada Sabtu.

Sementara itu, menurut Sputnik yang memetik Agensi Berita UNIAN, tentera Ukraine telah pun meninggalkan Avdiivka. Tentera Ukraine di Avdiivka dilaporkan berdepan kekurangan bekalan peluru. Avdiivka yang terletak di pinggir utara bandar Donetsk merupakan kubu kuat tentera Ukraine. - ©BERNAMA

Kes penipuan perniagaan, Trump diarah bayar denda US\$355 juta

NEW YORK, 17 Feb. - Bekas Presiden Amerika Syarikat Donald Trump dan organisasi perniagaannya diarah membayar penalti sebanyak US\$355 juta pada Jumaat membabitkan kes penipuan perniagaan yang dikemukakan oleh Peguam Negara New York Letitia James, lapor Xinhua.

Trump dan entitinya didakwa menyerahkan data kewangan palsu kepada akauntan bagi membolehkan pinjaman lebih banyak dan pada kadar lebih rendah, menurut hakim Mahkamah Agung New York County Arthur F. Engoron.

"...Defendan gagal menerima tanggungjawab atau mengenakan kawalan dalaman untuk memastikan perkara itu tidak berulang pada masa akan datang," kata Engoron merujuk ringkasan dokumen 92 muka surat.

Selain Trump; Allen Weisselberg, bekas ketua pegawai kewangan Organisasi Trump dan Jeffrey McConney, bekas pengawal Organisasi Trump, dilarang daripada berkhidmat sebagai pegawai atau pengaruh dalam mana-mana perbadanan atau entiti undang-undang lain di New York selama tiga tahun.

Weisselberg dan McConney, dilarang secara kekal daripada berkhidmat dalam institusi kewangan di mana-mana perbadanan New York atau entiti perniagaan yang serupa di negeri itu. Sementara itu, Weisselberg, Donald Trump Jr dan Eric Trump masing-masing didenda US\$1 juta, US\$4.01 juta dan US\$4.01 juta.

Eric dan Trump Jr mengkritik penghakiman itu dan peguam Donald Trump, Chris Kise bercadang untuk mengemukakan rayuan. - ©BERNAMA

Bekas PM Thailand Thaksin Shinawatra dibebaskan dengan parol

BANGKOK, 18 Feb. - Bekas Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra telah dibebaskan dengan parol, selepas menjalani hukuman penjara selama enam bulan di sebuah hospital di sini.

Thaksin, 74, dilihat meninggalkan Police General Hospital pada 6.06 pagi (waktu tempatan) pada Ahad, di mana beliau berada sejak Mahkamah Agung menjatuhkan hukuman penjara lapan tahun terhadapnya.

Beliau kemudian dilihat tiba di rumah agamanya di sini pada pukul 6.33 pagi (waktu tempatan) dengan sebuah kenderaan bersama anak perempuan bongsunya, Paetongtarn.

Menerusi catatan media sosial, Paetongtarn menulis; "Thaksin telah tiba di rumah, semoga keadaan

kesihatan beliau bertambah baik."

Beliau juga berkongsi gambar dirinya dan Thaksin di dalam kenderaan yang dinaiki. Bekas perdana menteri itu dilihat memakai pendakap leher.

Pada Sabtu, keluarga Thaksin membentangkan sepanduk "selamat pulang" di pintu pagar rumah agamanya di Bangkok.

"Kami telah menunggu begitu lama untuk melihat hari ini," tulisnya.

Thaksin kembali ke Thailand pada 22 Ogos lepas selepas 15 tahun hidup dalam buangan selepas disabitkan atas kesalahan rasuah dan salah guna kuasa.

Pada hari ketibaannya di Thailand, Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara lapan tahun kepada bekas perdana menteri itu.

Beliau dimasukkan ke Police

General Hospital kerana masalah kesihatan beberapa jam selepas malam pertamanya di Penjara Reman Bangkok. Thaksin mengadu sakit dada, tekanan darah tinggi, paras oksigen darah rendah dan insomnia semasa ditahan di wad perubatan penjara.

Pada 1 Sept, hukuman penjara Thaksin dikurangkan kepada satu tahun melalui pengampunan diraja.

Perdana Menteri Srettha Thavisin berkata parol yang diterima Thaksin mematuhi peraturan Jabatan Pemulihan.

Pada Rabu, Menteri Kehakiman Thailand Tawee Sodsong berkata Thaksin layak untuk dibebaskan awal kerana beliau berada dalam kategori banduan yang menghidap penyakit kronik dan berusia lebih 70 tahun. - ©BERNAMA

Mangsa banjir di Sarawak meningkat kepada 402 orang

KUCHING, 17 Feb. - Jumlah mangsa banjir di Sarawak mencatatkan 402 orang daripada 106 keluarga setakat 8 pagi ini berbanding 191 orang daripada 54 keluarga petang semalam.

Berdasarkan laporan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBN), mereka ditempatkan di empat pusat pemindahan sementara (PPS) di

selatan negeri.

"Tiga PPS di kawasan Kuching melibatkan Dewan Kampung Sinar Budi Baru, Dewan Masyarakat Stapok dan yang terbaharu, Dewan Serbaguna Taman Malihah telah diaktifkan lewat petang semalam. Satu PPS di kawasan Bau iaitu Dewan Kampung Segong menempatkan sembilan mangsa," menurut laporan itu.

PPS Dewan Serbaguna Taman Malihah merekodkan jumlah mangsa tertinggi iaitu 182 orang, diikuti Dewan Masyarakat Stapok (151) dan Dewan Kampung Sinar Budi Baru (60). Menurut laman sesawang Jabatan Meteorologi Malaysia, cuaca di negeri ini pada pagi dan malam diramalkan hujan di satu atau dua tempat di kawasan pedalaman. - ©BERNAMA

Warga emas rugi RM1.28 juta terpedaya pelaburan mata wang kripto

JOHOR BAHRU, 17 Feb. - Seorang warga emas berputih mata apabila menanggung kerugian sebanyak RM1.28 juta selepas dipejaya pelaburan mata wang kripto tidak wujud yang diiklankan menerusi media sosial.

Ketua Polis Johor CP M.Kumar berkata lelaki berusia 61 tahun itu yang merupakan peniaga membuat laporan polis, di sini semalam.

Beliau berkata mangsa memaklumkan berhubung dengan seorang individu menerusi aplikasi WhatsApp dan diarahkan memuat turun satu aplikasi bagi memantau pelaburan dibuat.

"Mangsa telah membuat pembayaran ke beberapa akaun

bank yang diarahkan individu tersebut, berjumlah RM1.28 juta sejak November lepas hingga Januari tahun ini," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurut Kumar warga emas itu tidak menerima sebarang keuntungan sehingga kini meskipun aplikasi terbahit memaparkan keuntungan lumayan, lalu membuat laporan polis selepas aplikasi itu gagal diakses.

Dalam kes lain, Kumar berkata seorang wanita warga emas kerugian RM390,000 selepas terpedaya dengan pelaburan saham tidak wujud.

Beliau berkata pesara swasta berusia 65 tahun itu turut

membuat laporan polis semalam, selepas tidak menerima sebarang keuntungan daripada pelaburan itu.

"Mangsa memaklumkan menerima panggilan daripada seorang individu yang menawarkan pelaburan saham dikenali sebagai 'Fidelity' dengan menjanjikan 30 peratus keuntungan daripada jumlah pelaburan.

"Namun, sejak membuat pembayaran dari November lepas hingga Januari tahun ini, mangsa tidak menerima sebarang keuntungan," katanya.

Kedua-dua kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu. - ©BERNAMA

Indonesia : Kumpulan penjenayah sasar pesawat ringan, penumpang dan juruterbang selamat

JAKARTA, 17 Feb. - Kesemua sembilan penumpang dan juruterbang pesawat ringan Cessna Grand Caravan terselamat selepas menjadi sasaran Kumpulan Penjenayah Bersenjata di Papua, wilayah paling timur Indonesia.

Kejadian berlaku pukul 8.59 pagi (waktu tempatan) pada Jumaat ketika pesawat itu dalam perjalanan dari Timika ke Beoga.

Juruterbang berjaya mendaratkan pesawat di Beoga, menurut Direktorat Jeneral Pengangkutan Udara Kementerian Pengangkutan dalam satu kenyataan.

Ketua Pengarah M. Kristi Endah

Murni berkata: "selepas mendarat, juruterbang menemukan kesan tembakan di bahagian pod kargo D di sebelah kanan, menembusi lantai pesawat."

Selepas memastikan keselamatan dan mengesahkan pesawat masih boleh berfungsi, juruterbang memilih untuk menerbangkan pesawat milik PT Asian One Air kembali ke Timika dan kini sedang dinilai untuk proses pembaikan.

Kristi menegaskan bahawa Unit Operasi Lapangan Terbang Wilayah X Merauke bekerjasama rapat dengan tentera, polis dan pihak berkuasa tempatan untuk

memantau dan menangani potensi ancaman keselamatan penerbangan.

Kumpulan penjenayah yang terkenal di wilayah itu kini menahan juruterbang warga New Zealand di daerah Nduga.

Juruterbang berkenaan ditahan sejak kumpulan itu membakar pesawat milik Susi Air di Lapangan Terbang Paro di Daerah Nduga pada 7 Feb 2023.

Pihak berkuasa meneruskan usaha membebaskan juruterbang itu dengan mengutamakan rundingan yang diketuai oleh kerajaan wilayah Nduga. - ©BERNAMA



FUN WALK ERATKAN HUBUNGAN SILATURAHIM, PERPADUAN



PARA guru agama, Jabatan Pengajian Islam melalui Jawatankuasa Pemimpin Sekolah-Sekolah Agama Brunei I (JKPSSU BR 1) semasa mengadakan Acara Fun Walk bertempat di Taman Rekreasi Jalan Menteri Besar (kiri dan kanan).

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 Februari. - Bagi memupuk amalan gaya hidup yang sihat dan aktif serta memelihara kesejahteraan mental dan fizikal para guru agama, Jabatan

Pengajian Islam melalui Jawatankuasa Pemimpin Sekolah-Sekolah Agama Brunei I (JKPSSU BR 1) pagi tadi mengadakan Acara Fun Walk bertempat di Taman Rekreasi Jalan Menteri Besar.

Hadir sama pada acara tersebut, Pegawai Pengajian Islam Daerah Brunei I, Dayang Hajah Siti Halimatul Saadiah

binti Haji Wahsalfelah serta para pegawai dan guru-guru dari sekolah-sekolah agama Kawasan Brunei I.

Acara dimulakan dengan ucapan daripada Pengerusi Badan Sukan, diikuti dengan bacaan Doa Selamat. Seterusnya sesi pemanasan badan sebelum memulakan Aktiviti

Fun Walk.

Acara itu juga diselitkan dengan cabutan nama bertuah dan sesi bergambar ramai.

Acara Fun Walk diadakan bertujuan antara lain untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahmi dan perpaduan dalam kalangan guru-guru sekolah agama Kawasan Brunei I.

The Mixups johan Kejohanan Bola Jaring Wanita

Berita dan Foto : Pg. Vivvy Malessa
Pg. Ibrahim

ANTARA aksi pada Kejohanan Bola Jaring Wanita anjuran '3 sekawan - Wannie, Ruben dan Nessa'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 Februari. - Pasukan The Mixups muncul johan pada Kejohanan Bola Jaring Wanita anjuran '3 sekawan - Wannie, Ruben dan Nessa', hari ini.

Manakala naib johan disandang oleh pasukan NetsMix dan di tempat ketiga, pasukan Wonder Woman St. Kejohanan berlangsung selama satu hari dan bermula pagi tadi itu diadakan di Kompleks Sukan Jabatan Kerja Raya, Berakas, di sini.

Sebanyak lapan pasukan menyertai kejohanan tersebut iaitu Dasher NT;

GunnerNetz; A's; Wonder Woman St; Tactix; The Mixups; Tam'Sha; dan NetsMix.

Tujuan kejohanan diadakan adalah untuk memupuk semangat sukan dan minat sukan

bola jaring wanita dengan tidak mengira had umur.

Antara yang menyertai perlawanan adalah mereka yang berumur di antara 20 tahun

hingga 45 tahun ke atas. Di samping itu, ia juga mengajar erti permainan berpasukan dan juga menggunakan kekuatan badan serta minda dalam berlawan.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TINGKATKAN AMAL IBADAH, KEBAJIKAN PADA BULAN SYAABAN